

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى بِنَايَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

KETUA PTJ :

NORYATI BINTI AHMAD

KETUA UNIT KUALITI :

NORINA BINTI AHMAD JAMIL

PENYELARAS :

NOR LELAWATI BINTI JAMALUDIN

PENULIS :

1. NOR LELAWATI BINTI JAMALUDIN
2. NORYATI BINTI AHMAD
3. YVONNE ANG SU MING
4. ZETTY ZAHUREEN BT MOHD YUSOFF
5. NORASHIDA BINTI OTHMAN
6. NUR AZIRAH ZAHIDA BINTI MOHAMAD AZHAR
7. NORINA BINTI AHMAD JAMIL

8. AZHAN RASHID BIN SENAWI
9. SITI ZAITUN BINTI SADDAM
10. SHAHRIN BIN NASIR
11. AZIMAH BINTI DAUD
12. MOHD FIKRI BIN ISHAK
13. NUR ZAHIDAH BINTI BAHRUDIN
14. SYED ASHRENE BIN SYED OMAR
15. NORASEKIN BINTI ABD RASHID
16. HARTINI ZUHAILA BINTI JAMAL
17. RAFIATUL ADLIN BINTI MOHD RUSLAN
18. NURHUDA BINTI HAJI NIZAR
19. NORZAWANI BINTI MAMAT @ IBRAHIM
20. NURUL SYIFAA BINTI MOHD SHAKIL
21. UMAIRA BINTI OTHMAN KOYA
22. MOHADZLISHAH BIN MAZLI
23. MUHAMMAD BIN OMAR
24. MOHAMMAD ZULFAKHAIRI BIN MOKTHAR
25. AZRIN BINTI ALI
26. NURUL SALIZAWATEE BINTI MAHPAR
27. SITI NURHIDAYAH MOHD ROSLEN
28. ROSMAN BIN YAHYA

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FPP diterajui oleh pengurusan kanan yang berketerampilan serta mengamalkan kepimpinan berdemokrasi dan partisipatif. Fakulti diketuai oleh Dekan sebagai Ketua Eksekutif dan dibantu oleh empat (4) Timbalan Dekan iaitu Timbalan Dekan Akademik (TDA), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEP), Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi (TDPJI) dan Timbalan Dekan Jaringan Industri dan Alumni (TDICAN), bersama lima (5) orang Ketua Pusat Pengajian (KPP), lapan (8) orang Koordinator Kursus (KK), seorang (1) Ketua Unit Kualiti dan seorang (1) Ketua Perancangan Strategik dan Komunikasi Korporat. Di bahagian pentadbiran, FPP diuruskan oleh seorang Timbalan Pendaftar (Gambarajah 1.1 dan 1.1a).

Kepimpinan Kanan FPP bertanggungjawab menerajui, merancang dan melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta menyokong penampakan pensyarah dan pelajar, aktiviti universiti bagi merealisasikan visi dan misi UiTM.

Kecemerlangan dan kecekapan kepimpinan FPP telah diterjemah melalui pengiktirafan akreditasi dari pelbagai organisasi luar seperti *Chartered Management Institute (CMI) UK*, *The Chartered Institute of Logistics and Transport UK*, *Financial Accreditation Agency (FAA)*, *Asian Pacific Institute for Events Management (APIEM)*, *Chartered Insurance Institute (CII) UK* dan *Malaysian Insurance Institute (MII)*. Bagi tahun 2021, FPP telah berjaya mendapat pengiktirafan dari *European Foundation for Management Development (EFMD)* (Gambarajah 1.1b).

Keterampilan ini juga diserlahkan lagi melalui penyenaian ke dalam *World University Ranking by Subjects 2021* melalui kursus-kursus *accounting and finance, business and management studies dan economics and econometrics* (Gambarajah 1.1c). FPP juga telah berjaya mencapai 88% bagi PI yang telah ditetapkan UiTM bagi tahun 2021, meningkat daripada 83.1% pada tahun 2020 (Gambarajah 1.1d). Kepimpinan pengurusan kanan FPP yang dinamik dan progresif berjaya meningkatkan produktiviti keseluruhan fakulti. Bagi penyediaan laporan 2021, FPP telah menetapkan bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang menumpukan kepada ketampakan Pensyarah dan Pelajar.

Pelan Strategik UiTM yang berteraskan kecemerlangan global, prestasi berpandukan nilai dan pendidikan berkualiti, adalah panduan utama bagi FPP merangka Pelan Strategik FPP 2020-2025. Pelan Strategik UiTM tersebut dibentuk berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (2020-2025) sebagai panduan. PTJ telah dikenalpasti untuk merangka, melaksanakan, mengawal dan mengambil tindakan sewajar bagi memastikan objektif-objektif tersebut dicapai. Contohnya TDA, TDHEP dan Ketua Kualiti dipertanggungjawabkan untuk membentuk pelan tindakan strategik dan inisiatif bagi meningkatkan penampakan pelajar manakala Dekan, TDICAN dan TDPJI memberi tumpuan untuk penampakan pensyarah. Selain itu, FPP turut mewujudkan platform perkongsian maklumat melalui surat, e-mel serta aplikasi sosial seperti WhatsApp/Telegram dan lain-lain. FPP juga telah mewujudkan sistem apungan maklumat berbentuk digital dan dalam talian bagi memastikan maklumat dalam sistem pengurusan kualiti lengkap dan berpusat. Penyelarasan kerja melalui mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) telah menetapkan beberapa kaedah P&P. Bagi tahun 2021 kaedah P&P secara bersemuka juga telah dijalankan Kembali. Walaubagaimanapun bagi mengadaptasi kepada suasana pandemik Covid-19, FPP telah menetapkan hanya pelajar di semester 4 untuk menjalankan proses P&P secara bersemuka. Dalam menghasilkan graduan profesional, FPP telah mengambil pendekatan dengan mempelbagai aktiviti bersemuka dan dalam talian seperti webinar dan syarahan bagi jemputan dari dalam dan luar negara. Kesimpulannya, bagi memastikan aktiviti P&P dijalankan dengan baik dan lancar, tindakan segera yang diambil oleh pihak pengurusan telah membawa kepada tindakan sistematik yang melibatkan pensyarah dan pelajar.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Visi dan Misi FPP

Visi dan Misi FPP mendokong visi dan misi UiTM dan antaranya ialah meningkatkan penampakan pensyarah dan pelajar. Kepimpinan Kanan bersama staf akademik dan pentadbiran telah merangka dan merumus Perancangan strategik FPP. Perancangan strategik ini bersandar kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025), Rancangan Malaysia Ke-12 (2020-2025), Pelan Strategik UiTM 2020-2025 sebagai panduan.

Perancangan strategik FPP tidak statik akan dikaji dan diubah mengikut kesesuaian keperluan semasa dan akan datang. Visi dan misi FPP 2021 telah di selaraskan seiring dengan Visi dan Misi UiTM seperti dalam gambar rajah 1.2. Dalam mengerakkan bidang tumpuan pilihan iaitu P&P, Kepimpin Kanan bersama Jawatankuasa Pelan Strategik FPP akan selaraskan KPI UiTM dengan PI FPP yang telah ditentukan oleh BTU. Bagi meningkatkan penampakan Pelajar beberapa PI dari teras Pendidikan Kualiti telah dipadankan, manakala PI dari teras Kecemerlangan Global dan Prestasi Berpanduan Nilai diselarikan dengan meningkatkan penampakan Pensyarah. Objektif Kualiti FPP juga di gunakan untuk tujuan tersebut. **Inisiatif ini dijalankan berdasarkan kepada perancangan sistematik yang telah disediakan dengan dengan mengambil kira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan.**

Objektif Kualiti

Bagi mencapai Visi dan Misi bagi meningkatkan penampakan pensyarah dan pelajar, FPP telah merangka Objektif Kualiti FPP (gambar rajah 1.2a). Objektif Kualiti FPP ini telah digubal melalui beberapa bengkel yang diadakan bersama dengan pengurusan kanan, pentadbiran, pensyarah, serta kakitangan. Tujuannya adalah untuk menggabungkan kesemua peringkat staf dalam penggubalan. Objektif Kualiti supaya semua berganding bahu dalam ertikata kerja berpasukan. Melalui bengkel ini penyataan dan pencapaian Objektif Kualiti telah dikaji, dianalisa dan dibuat penambahbaikan. Pencapaian Objektif Kualiti ini disemak dan dianalisa bagi mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang dihadapi fakulti. Pelan Tindakan juga telah di ambil bagi pembangunan akademik, kesarjanaan, pelajar, sumber tenaga manusia dan infrastruktur semasa Mesyuarat Kajisemula Pengurusan dan penerangannya di Kriteria 4. Maklumat mengenai pencapaian objektif juga telah dibincangkan dan dimaklumkan kepada semua staf semasa mesyuarat fakulti, mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), mesyuarat pengurusan dan mesyuarat akademik. Kepimpinan Kanan FPP juga sentiasa memanjangkan visi, misi dan objektif kualiti FPP kepada pembekal utama, rakan kongsi, pelajar dan pihak berkepentingan melalui hubungan komunikasi secara dua hala (berkumpulan) melalui berbagai mesyuarat-mesyuarat seperti Mesyuarat Fakulti. Ia juga menggunakan laman sesawang fakulti, risalah atau penerbitan, buku panduan pelajar/pensyarah/staf pentadbiran, pekeliling dan sokongan, serta melalui aplikasi WhatsApp/Telegram, notis papan kenyataan, dan juga dipamerkan di Pejabat Pentadbiran Fakulti. Pandemik Covid-19 yang telah melanda dunia di awal tahun 2020 telah memberi impak yang besar kepada negara dan khususnya terhadap universiti dan fakulti. Beberapa tindakan drastik telah dilakukan bagi memastikan tumpuan kepada keberkesanan P&P terhadap pelajar dan pensyarah dapat diteruskan dengan kaedah yang terbaik dan penambahbaikan yang berterusan selaras dengan hala tuju universiti. Dengan ini ianya dapat memastikan fakulti dapat mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan.

Perancangan yang sistematik dan pengwujudan organisasi yang lestari telah dilaksanakan oleh kepimpinan kanan untuk mencerminkan komitmen kepimpinan kanan terhadap pemantapan nilai organisasi dan pencapaian visi dan misi FPP.

Maklumat-maklumat boleh dicapai melalui:

1. [Pelan Pembangunan Pendidikan](#)
2. [Pelan Strategik UiTM 2020-2025](#)

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_K01_KB02_20221_FPP_Lampiran_Kepimpinan_Gambar_Rajah_1.1.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB02_20222_FPP_Lampiran_Kepimpinan_Gambar_Rajah_1.1a.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB02_20223_FPP_Lampiran_Kepimpinan_Gambar_Rajah_1.1b_1.1c_1.1d.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB02_20224_FPP_Lampiran_Kepimpinan_Gambar_Rajah_1.2_1.2a.pdf](#)
5. [F0023_K01_KB02_20225_FPP_Lampiran_Kepimpinan_Gambar_Rajah_1.2b.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Setelah objektif and inisiatif strategik dikenalpasti untuk meningkatkan penampakan pensyarah dan pelajar, Kepimpinan Kanan bersama PTJ dalam Jawatankuasa Pelan Strategik FPP **seterusnya disampaikan diperingkat jabatan dan unit untuk dilaksanakan dalam keseluruhan sistem FPP UiTM secara berkesan.** Pengurusan dan pentadbiran fakulti sentiasa memastikan setiap perancangan dibuat ke arah pencapaian visi dan misi melalui Tindakan seperti berikut:

a. Mewujudkan Pengurusan P&P Sistemik dan Terancang

- i) Jawatankuasa Jaminan Kualiti telah diwujudkan bagi memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), dengan merujuk kepada pengurusan kanan yang diterajui oleh Dekan FPP.
- ii) Menggubal Objektif Program Pendidikan (*Program Educational Objectives, PEO*) yang konsisten dengan visi dan misi UiTM dengan disokong oleh Hasil Program (*Programme Outcome, PO*) dan Hasil Kursus (*Course Outcome, CO*) untuk memastikan PEO menyokong keperluan semua Hasil Kursus (program dan kursus) yang diiktiraf.
- iii) Bagi menghasilkan graduan yang profesional, FPP menumpukan kepada pembangunan dan penambahbaikan program melalui semakan kurikulum setiap 3 – 5 tahun seperti di Gambar rajah 1.3, lantikan akademia, pelaksanaan OBE dan pengukuran CDL-CQI bagi setiap kursus agar menepati kualiti P&P.

Selaras dengan cabaran dan keperluan semasa pada tahun 2021, fakulti telah mengambil pendekatan kaedah P&P secara bersemuka bagi pelajar-pelajar di semester 4 dan secara dalam talian bagi pelajar-pelajar lain selaras dengan kaedah yang diarahkan oleh pihak universiti (jadual 1.3).

- iv) Dalam memantapkan proses P&P supaya seiring dengan perkembangan era pendidikan global, pihak FPP telah berkolaborasi dengan universiti dan industri dari dalam dan luar negara. Gambarajah 1.3a menunjukkan bilangan *M memorandum of Agreement (MoA)* dan *Memorandum of Understanding (MoU)* yang aktif sehingga 2022.

Kepimpinan FPP sentiasa menggalakkan persekitaran organisasi yang sihat bagi menghasilkan perlakuan beretika, dengan menunjukkan komitmen yang tinggi dalam urusan pentadbiran melalui:

b. Promosi dan Pemastian Tingkahlaku Beretika Pensyarah dan Pelajar

- i) Pematuhan terhadap tingkahlaku beretika diterajui oleh barisan kepimpinan fakulti. Pelaksanaan serta pemantauan sistem perakam waktu melalui hr2u, e-cuti dan e-kalendar adalah antara contoh inisiatif FPP bagi memastikan ketaatan terhadap tingkahlaku beretika selaras dengan arahan pihak universiti.
- ii) Penandaan kertas jawapan peperiksaan dikawal dengan menggunakan khidmat laporan pemeriksa kedua. Bagi pemantauan tingkahlaku yang tidak beretika, fakulti telah mewujudkan Jawatankuasa Disiplin dan Pembangunan Staf bagi menangani isu tersebut.

c. Pengwujudan Organisasi yang Lestari oleh Kepimpinan Kanan bagi menyokong kelancaran P&P

Kepimpinan kanan FPP sentiasa memastikan persekitaran kerja yang sesuai, kondusif dan selamat supaya program akademik dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

- i) Memastikan pelan penggantian ahli pengurusan kanan FPP dilaksanakan dengan baik supaya tidak menjejaskan kesinambungan pengurusan.

- ii) Memastikan pensyarah mempunyai kelayakan akademik dan profesional yang diperlukan dan keperluan kepada nisbah pensyarah dan pelajar (1:15) dan menjalankan *Self-Assessment Report*.
- iii) Bagi mencapai KPI yang ditentukan oleh universiti, pensyarah telah diberi kebebasan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan, aktiviti kesarjanaan dengan organisasi luar, badan kerajaan, industri, universiti luar di peringkat nasional dan antarabangsa (contoh gambar rajah 1.3b).
- v) FPP juga menyediakan kursus/seminar pengurusan staf, kursus kepimpinan, penyelidikan dan pengurusan kanan untuk membangun dan memantapkan kemahiran barisan kepimpinan baru disamping membentuk bakal pemimpin pelapis.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_K01_KB03_20221_FPP_Lampiran Kepimpinan_Jadual 1.3.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB03_20222_FPP_Lampiran Kepimpinan_Gambar Rajah 1.3.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB03_20223_FPP_Lampiran Kepimpinan_Gambar Rajah 1.3a.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB03_20224_FPP_Lampiran Kepimpinan_Gambar Rajah 1.3b.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelan pemantauan ditentukan menggunakan system *Plan, Do, Act and Check (PDCA)* seperti gambar rajah 1.4 bagi memastikan setiap perancangan dan pelaksanaan berjalan seperti dijadualkan dan seterusnya mencapai objektif strategik dalam meningkatkan penampakan pensyarah dan pelajar. **Hasil pemantauan ini akan digunakan untuk mengkaji semula sistem pengurusan di fakulti.**

i) Jawatankuasa Jaminan Kualiti akan memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) melalui pembentangan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil Jaminan Kualiti yang dipengerusikan oleh Dekan (Gambar rajah 1.4a).

ii) Melalui penghasilan laporan CDL-CQI, mengukur Hasil Kursus (*Course Outcome, CO*) dan Hasil Program (*Programme Outcome, PO*) yang menyokong Objektif Program Pendidikan (*Program Educational Objectives, PEO*) agar konsisten dengan visi dan misi UiTM (jadual 1.4.).

iii) Bagi menghasilkan graduan yang profesional, FPP sentiasa;

- Mengadakan mesyuarat dan mendapat maklumbalas dari pihak industri, majikan dan penasihat akademik dalam dan luar negara seperti gambar rajah 1.4b secara berkala.
- Lantikan akademia seperti jadual 1.4a juga telah memberi sumbangan besar kepada proses P&P, FPP. Selain itu, lantikan professor adjung di kalangan ahli korporat dapat memberi impak di dalam jalinan kerjasama dengan industri.

·jadual 1.4 bagi setiap kursus yang ditawarkan kepada pelajar sejajar dengan keperluan Kementerian Pengajian Tinggi serta pelaksanaan *Outcome Based Education (OBE)* dalam P&P.

- Memberi tumpuan kepada penggunaan sepenuhnya kaedah P&P termasuk penilaian akhir yang dilakukan secara bersemuka dan dalam talian dengan pemantauan unit peperiksaan (gambar rajah 1.4c: prosedur P&P dan peperiksaan). Proses *vetting* dijalankan untuk memantau *standard* soalan.

iv) Selain menyediakan peruntukan menambahbaik prasarana serta kemudahan aktiviti P&P, fakulti turut mewujudkan suasana yang harmoni dengan menggalakkan komunikasi berkesan termasuk perkongsian maklumat antara semua staf melalui surat dan e-mel serta applikasi sosial seperti WhatsApp/Telegram selain mengekalkan komunikasi dan maklumbalas aduan dan cadangan secara tradisional yang sediaada.

v) Kepimpinan FPP turut menganjurkan latihan khusus dan umum untuk penyelidikan dan inovasi bagi memberi peluang kepada staf meningkatkan kemahiran (jadual 1.4b dan gambar rajah 1.4d). Pembiayaan turut diberikan kepada staf akademik untuk menghadiri persidangan atau membentangkan kertas kerja.

vi) Program *Finishing School* dan *Career Talk* seperti gambar rajah 1.4e dilaksanakan bagi memberi persediaan kepada pelajar tahun akhir memasuki alam pekerjaan. Pusat Kecemerlangan Pelajar turut dibangunkan sebagai tempat untuk menyokong aktiviti pelajar.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_K01_KB04_KC01_20221_FPP_LampiranKepimpinan_GambarRajah_1.4.1.4a_1.4b_1.4c.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB04_KC01_20222_FPP_LampiranKepimpinan_Jadual1.4.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB04_KC01_20223_FPP_LampiranKepimpinan_Jadual1.4a.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB04_KC01_20224_FPP_LampiranKepimpinan_Jadual1.4b.pdf](#)

5. [F0023_K01_KB04_KC01_20225_FPP_Lampiran Kepimpinan_Gambar Rajah 1.4d_1.4e_1.4f.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FPP sentiasa mengenalpasti tahap pengurusan risiko di kalangan warga ke arah mengoptimumkan hasil kerja yang berkualiti serta menyokong penampakan pensyarah dan pelajar. **Risiko yang dikenalpasti digunakan untuk merancang tindakan pencegahan yang bersesuaian melalui inisiatif-inisiatif yang bersesuaian.**

Pengurusan P&P yang Sistematis dan Terancang

- i) Pemantauan sistem Pengurusan Kualiti oleh Jawatankuasa Jaminan Kualiti berhadapan dengan risiko maklumat kurang lengkap dari sistem maklumat tidak berpusat. Kekangan-kekangan menjalankan aktiviti dan mendapatkan maklumat bersemuka tidak dapat dijalankan akibat dari pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- ii) Dari sudut pencapaian Objektif Program Pendidikan (*Program Educational Objectives, PEO*) yang konsisten dengan visi dan misi UiTM, kecenderungan risiko dilihat adalah untuk memastikan objektif dicapai dengan tersusun.
- iii) Di dalam menghasilkan graduan yang profesional, kebanyakan aktiviti yang melibatkan lantikan akademia dan kolaborasi bersama industri yang tangguhkan pada tahun 2020, dapat dijalan Kembali pada tahun 2021. Webinar menjadi platform utama di dalam melaksanakan program tersebut. (gambar rajah 1.4e)
- iv) Pemantapan P&P melalui kolaborasi dengan universiti dan industri dari dalam dan luar negara dapat dilaksanakan pada tahun 2021. Sebanyak 12 MOU dan MOA berjaya ditandatangani di sepanjang 2021.(gambar rajah 1.4f)

Promosi dan Pemastian Tingkahlaku Beretika dari kalangan pensyarah dan pelajar

v) Risiko penandaan kertas jawapan peperiksaan menjurus kepada penandaan yang telus dan adil di dalam pemarkahan peperiksaan akhir. Namun demikian, tahun 2021 telah menampakkan risiko dari segi pengendalian peperiksaan dan penandaan kertas penilaian akhir. Ini memberi impak kerana pengendalian peperiksaan dilakukan atas talian dan penilaian akhir yang sesuai dengan keadaan semasa turut diberi perhatian.

Pengwujudan Organisasi yang Lestari oleh Kepimpinan Kanan bagi memastikan kelancaran P&P

- vi) Risiko pelan penggantian ahli pengurusan kanan FPP memperlihatkan wujudnya jurang di antara kumpulan *senior* dan muda di dalam kumpulan staf. Ini memberi cabaran kepada perancangan penggantian terutama di dalam pemilihan jawatan tertinggi di dalam fakulti.
- vii) Di dalam pengendalian aktiviti P&P, fakulti telah mengenalpasti pendedahkan terhadap risiko terhadap pengurusan P&P atas talian serta penilaian pelajar.
- viii) Pencapaian KPI terkesan dan memberi impak langsung kepada aktiviti kesarjanaan terutama di bidang penyelidikan, inovasi dan perundingan dan terdapat beberapa aktiviti yang telah dirancang terpaksa ditangguhkan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_K01_KB04_KC02_20221_FPP_LampiranKepimpinan_GambarRajah_1.4d_1.4e_1.4f.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan pencapaian kepada hasil yang telah dijalankan dapat dilaksanakan, fakulti telah memberi tumpuan kepada penganalisaan dan penambahbaikan dapat dilakukan. Pengurusan P&P yang sistematik dan terancang FPP telah mewujudkan sistem apungan maklumat dalam bentuk digital dan atas talian seperti dalam gambar rajah 1.4e yang boleh diakses di pautan [FBMIS](#) (gambar rajah 1.4g).

Pengurusan P&P yang Sistematik dan Terancang

- i) Bagi memastikan pencapaian objektif P&P dapat direalisasi, penyelarasan kerja melalui mesyuarat JAF telah menetapkan beberapa kaedah P&P secara bersemuka dan dalam talian (gambar rajah 1.4h) dan penilaian berterusan yang lebih bersasar dilaksanakan bagi menyesuaikan kepada perubahan aktiviti P&P kesan dari pandemik Covid-19 yang telah berlaku pada awal tahun 2020.
- ii) FPP telah mengambil pendekatan dengan mempelbagai aktiviti dalam talian seperti webinar profesor pelawat dan profesor adjung (gambar rajah 1.4i). Bagi memastikan penempatan latihan industri dapat dilaksanakan, fakulti telah mengadakan pelan alternatif kepada latihan industri yang mengikut pencapaian PLO kursus.
- iii) Aktiviti kolaborasi pementapan P&P melalui kerjasama antarabangsa telah dirancang semula dengan mengadakan aktiviti dalam talian yang melibatkan syarahan jemputan oleh pensyarah fakulti dan fakulti jemputan dari luar seperti contoh dalam gambar rajah 1.4j.

Promosi dan Pemastian Tingkahlaku Beretika

- i) Bagi memastikan pematuhan terhadap tingkahlaku beretika staf, fakulti telah mewujudkan Jawatankuasa Disiplin dan Pembangunan Staf seperti dalam gambar rajah 1.4k bagi memantau serta menasihati staf yang mempunyai masalah kepatuhan terhadap tingkahlaku beretika.

Pengwujudan Organisasi yang Lestari

- i) Bagi mengurangkan jurang antara pensyarah, pelan perancangan penggantian pengurusan kanan fakulti telah memberi pendedahan dan latihan kepada pensyarah muda dalam bidang pentadbiran yang berkaitan. Pensyarah muda juga telah dilantik untuk memegang beberapa jawatan di dalam pentadbiran FPP
- ii) Bagi memastikan aktiviti perancangan penggantian yang lancar, pemilihan calon-calon telah dibincangkan diperingkat mesyuarat tertinggi fakulti. Ini dapat memastikan kelancaran sistem pengurusan FPP yang lestari.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_K01_KB04_KC03_20221_FPP_Lampiran_Kepimpinan_Gambar_Rajah_1.4d_1.4e_1.4f.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB04_KC03_20222_FPP_Lampiran_Kepimpinan_Gambar_Rajah_1.4g_1.4h_1.4i_1.4j.1.4k.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Berlandaskan kepada perancangan yang sistematik dan pelaksanaan yang meluas, FPP sentiasa berusaha untuk meningkatkan pencapaian melalui pelbagai inisiatif yang meningkatkan ketampakan pensyarah dan pelajar terkini. Menjadi fakulti terbesar memberi kelebihan dari segi bilangan pensyarah dan pelajar yang ramai dimana ianya dapat memberi memanfaatkan kepada objektif fakulti. Ianya dapat diintegrasikan melalui pendekatan berikut:

Meningkatkan perluasan sumbangan kepada Masyarakat Dan Sokongan Komuniti

(1) Tanggungjawab Terhadap Orang Awam

Nilai teras FPP adalah tanggungjawab terhadap orang awam dan bumiputera. Kepimpinan Kanan FPP telah memulakan program dan latihan yang bermodelkan tanggungjawab dan keinginan awam untuk berkhidmat terhadap komuniti yang diberi perkhidmatan. FPP adalah tertakluk di bawah undang-undang, peraturan dan perundangan pusat (persekutuan), negeri dan tempatan di mana semua proses perancangan dan membuat keputusan perlu dipatuhi dan dituruti. FPP telah mencatatkan rekod pematuhan etika yang boleh dibanggakan (tiada rekod kesalahan etika) berdasarkan kepatuhan yang tinggi terhadap garis panduan yang telah digariskan. Tiada sebarang isu ketidakpatuhan etika dalam sejarah pengendalian/pentadbiran/pengurusan FPP.

Kepentingan keselamatan pelajar dan staf FPP dicerminkan dalam matlamat utama FPP ialah mencipta satu persekitaran yang penyayang, selamat, dan pembelajaran yang teratur. Sehingga kini, FPP sangat mementingkan beberapa perkara seperti:

- i) Memastikan pihak berkanun, undang-undang awam, kesihatan, dan hak-hak keselamatan dipanjangkan kepada semua pelajar, pekerja, dan pelawat.
- ii) Memastikan persekitaran dan bangunan FPP sentiasa dijaga oleh Jabatan Penyelenggaraan dan berada dalam keadaan yang selamat.
- iii) Membuat penyeliaan dan perlindungan yang sewajarnya terhadap kesemua harta FPP dan peribadi/persendirian melalui Laporan Audit Keselamatan UiTM.

2) Meningkatkan sokongan Komuniti Utama

Komuniti utama terdiri daripada agensi kerajaan, sektor swasta, ibu bapa, hubungan ahli akademik dan orang awam. Pemimpin dan staf FPP amat komited untuk sentiasa menyokong program komuniti terutama aktiviti yang terlibat secara langsung dengan hal-hal akademik dan keprofesionalan. Gambar rajah 1.5 menunjukkan contoh projek yang dijalankan bersama masyarakat. **Inisiatif-inisiatif ini diperluaskan di peringkat PTJ FPP seluruh Malaysia dengan penglibatan pensyarah dan pelajar FPP.**

Penglibatan para pensyarah di dalam program di media massa serta misi bantuan banjir dan program bersama komuniti seperti projek kebun komuniti bagi berkongsi pendapat serta solusi bagi sesuatu masalah yang berlaku di kalangan masyarakat. (gambar rajah 1.5)

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_K01_KB05_20221_FPP_Lampiran Kepimpinan_Gambar Rajah 1.5.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sebagai sebuah fakulti yang terbesar dalam sistem Universiti Teknologi MARA (UiTM), sudah pastinya Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) amat memberikan penekanan terhadap aspek Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dalam membentuk modal insan yang sesuai mengikut hala tuju pendidikan tinggi negara yang bertujuan meningkatkan penampakan pensyarah dan pelajar yang berdaya saing.

Justeru, pengurusan tertinggi fakulti telah merangka satu Pelan Strategik FPP 2020-2025 yang dipertanggungjawabkan kepada *Centre for Strategic Planning and Information (CSPI)* atau Pusat Perancangan Strategik yang kini dikenali sebagai Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Dengan pemantauan penuh daripada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam memastikan objektif dan inisiatif strategik yang dirangka dapat memantapkan lagi bidang Pengajaran dan pembelajaran (P&P). Tiga teras utama bagi memantapkan P&P telah dipilih iaitu penumpuan kepada proses P&P, penyelidikan, dan penumpuan kepada akademik, industri serta masyarakat. Dalam penumpuan untuk meningkatkan ketampakan pensyarah dan pelajar, teras-teras yang dipilih adalah OS1: Menghasilkan program diploma, sarjana muda dan pasca siswazah yang dinamik dan menepati kehendak pasaran serta menambah nilai dan meningkatkan kualiti program akademik, OS2: Mempersiapkan bakal graduan dengan kemahiran berfikir secara kritis, OS3: Meningkatkan mobiliti pelajar dan OS4: Meningkatkan penampakan staf akademik diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

Objektif dan inisiatif strategik yang ditetapkan adalah berdasarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Perancangan Dan Pelaksanaan Malaysia Ke Duabelas (RMKe-12), Visi, Misi, Objektif dan Objektif Kualiti UiTM (Pelan Strategik UiTM). Pengukuhan dari aspek P&P ini juga sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 yang telah dilancarkan pada awal 2020 menerusi Teras Strategik UiTM.

Di dalam memberi sokongan dan merealisasikan Pelan Strategik UiTM2025, FPP telah mengambil inisiatif pelaksanaan dengan mengubal inisiatif strategik yang lebih fokus kepada 7 teras yang bertunjangkan kepada 3 teras utama universiti. Walaubagaimanapun, bagi tujuan laporan 2021, FPP hanya memfokuskan kepada teras yang berkaitan P&P.

Selain itu, bagi menyokong proses penambahbaikan teras P&P melibatkan kumpulan sasar iaitu staf akademik dan pelajar sebagai tonggak utama bagi FPP, proses penambahbaikan ini seterusnya dijuruskan kepada proses P&P serta infrastruktur yang menyokong P&P.

Seterusnya, ia disusuli dengan pelan pemantauan dengan memastikan objektif strategik dan inisiatif strategik dilaksanakan dengan berkesan. Pelan pemantauan menggunakan *model 'plan, do, check, act'* (PDCA), dengan melibatkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan. Terakhir, setelah mengenalpasti risiko yang berpotensi mengekang pencapaian objektif dan inisiatif strategik yang menjadi halatuju fakulti, pengurusan FPP berusaha menjalankan proses penambahbaikan yang berkesan dalam menangani permasalahan ini.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Segala perancangan objektif dan inisiatif yang dirangka oleh FPP sejajar dengan perancangan strategik yang ditetapkan UiTM. Dokumentasi Perancangan Strategik FPP disediakan sebagai satu garis panduan umum untuk dirujuk dalam merangka dan menyusun strategi bagi pelaksanaan aktiviti FPP agar sejajar dengan perancangan UiTM bagi RMKe-12 UiTM, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (gambar rajah 2.2a dan gambar rajah 2.2b).

Pelan Strategik UiTM2025 telah dibangunkan berdasarkan kerangka strategik yang mengintegrasikan dasar dan perancangan di peringkat universiti dan kebangsaan serta trend global. Selain itu, hala tuju pelan strategik UiTM 2025 juga adalah sejajar dengan dasar dan perancangan seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan dasar terkini kerajaan, iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) bagi memastikan bahawa hala tuju strategik ini adalah sejajar dengan agenda negara.

UiTM berhasrat untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025. Matlamat ini digalas oleh UiTM2025 yang memetakan hala tuju universiti. UiTM2025 berpaksikan kepada tiga (3) teras strategik iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berpandukan nilai. Dalam memberi sokongan dan merealisasikan Pelan Strategik UiTM2025, FPP telah mengambil inisiatif kepada 7 teras (2021-2025) yang bertunjangkan kepada 3 teras utama tersebut (rujuk gambar rajah 2.2c dan 2.2d). Bagi pelaporan AKNC 2021, teras-teras yang dipilih adalah OS1: Menghasilkan program diploma, sarjana muda dan pasca siswazah yang dinamik dan menepati kehendak pasaran serta menambah nilai dan meningkatkan kualiti program akademik, OS2: Mempersiapkan bakal graduan dengan kemahiran berfikir secara kritis, OS3: Meningkatkan mobiliti pelajar dan OS4: Meningkatkan ketampakan staf akademik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi meningkatkan kebolehlihatan pensyarah dan pelajar.

Bagi mencapai objektif strategik tersebut, beberapa inisiatif telah dilaksanakan antaranya menjalinkan kerjasama dengan universiti dan industri dalam dan luar negara (MOU/MOA), program pertukaran Pelajar (*inbound and outbound*), *Program Massive Open Online Course (MOOC)*, Program Kolaborasi Pelajar dengan Universiti/Industri, Program Pelajar menjalani Latihan Industri di Syarikat Multinasional dan Program Pembudayaan Keusahawanan. UiTM juga menggalakkan kursus dalam pembelajaran melalui *Massive Online Open Course (MOOC)* yang selari dengan Pernyataan Hala Tuju Strategik UiTM untuk menjadi universiti yang mengoptimalkan kebolehcapaian melalui penerapan teknologi digital dalam education [5.0@UiTM](#) sekaligus menghasilkan penemuan baharu melalui penyelidikan transnasional, inovasi serta pengkomersilan (gambar rajah 2.2e).

Selain itu, Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) telah bertindak sebagai pemudah cara dan pemangkin dalam perhubungan dan jaringan industri, masyarakat serta penglibatan alumni universiti. Tambahan lagi, menyedari pentingnya penerapan nilai dan budaya keusahawanan di Universiti Awam (UA), Pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan Keusahawanan Malaysia (*Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED)*), UiTM komited menggalas tanggungjawab bagi mencapai matlamat melahirkan graduan yang seimbang dan berciri Keusahawanan. FPP turut menyumbang kepada pencapaian objektif tersebut dengan menganjurkan pelbagai aktiviti pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pensyarah dan pelajar.

FPP memandang serius kepentingan tenaga kerja yang berkualiti dan berprestasi demi membawa universiti ke tahap yang lebih tinggi dan menjadi salah satu daripada tema strategik iaitu kecerlangan bakat dalam Pelan Strategik UiTM 2025. Secara kesimpulannya, dengan **penumpuan kepada inisiatif strategik dan kualiti FPP ini dijalankan berdasarkan kepada perancangan sistematik yang telah disediakan dengan mengambil kira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan.**

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_P01_PB02_20221_FPP_Lampiran Perancangan Strategik_Gambar Rajah 2.2, 2.2a, 2.2b.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB02_20222_FPP_Lampiran Perancangan Strategik_Gambar Rajah 2.2c, 2.2d.pdf](#)
3. [F0023_P01_PB02_20223_FPP_Lampiran Perancangan Strategik_Gambar Rajah 2.2e.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Halatuju FPP berlandaskan garisan yang terdapat didalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan juga dasar terkini kerajaan, iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030). Sejar dengan Rancangan Malaysia ke-12 UiTM (2021-2025), visi dan pelan strategic FPP bergerak seiring untuk menjayakan hasrat dan matlamat UiTM2025 melahirkan pendidikan berkualiti, kecemerlangan global, dan prestasi berorientasikan nilai. Melalui kerjasama utuh warga FPP yang berpengalaman dan berkaliber, beberapa siri pembentangan dan diskusi melingkungi Perancangan Strategik telah diadakan menjurus kepada kegiatan-kegiatan yang bakal diadakan. Fokus utama PS 2020-2025 adalah untuk menghasilkan pendidik yang berkualiti, berkepakaran, mahir dan pembelajaran berasaskan Qalb. Untuk mereliasikan tujuan ini, objektif strategi telah ditampilkan di gambar rajah 2.3.

Sehubungan dengan itu, strategi-strategi yang diolah adalah menyokong Education [5.0@UiTM](#), bagi melahirkan graduan yang memperolehi pendidikan berkualiti, dan graduan seimbang dan berciri keusahawanan. Gambar rajah 2.3 mempamerkan pemetaan objektif strategik FPP melalui pelaksanaan RM Ke-12 UiTM.

Pemetaan menyeluruh rangka kerja Pelan Perancangan Strategik FPP 2020-2025 yang berhubung jalin didalam bidang tumpuan merangkumi RMKe-12, Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia, RMKe-12 Peringkat UiTM, Objektif Strategik FPP, BidangTumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar, KPI Pengukuran Bidang Tumpuan dan Hasil Aktiviti yang telah dijalankan.

Teras-teras diatas akan dikaitan dengan *Performance Indicators (PIs)* yang telah ditentukan oleh pihak BTU. Kewujudan inisiatif-inisiatif yang digiatkan termasuk jalinan kerjasama universiti dengan pelbagai industri di seantara rantau untuk membuka peluang latihan dan pertukaran ide dan kerjasama untuk pensyarah dan juga di kalangan pelajar. Tingkatan program keusahawanan telah ditambah baik dengan jalinan kerjasama bersama pemain industri seperti E3HUBS Sdn Bhd menunjukkan kesungguhan universiti memaksimumkan program keusahawanan di kalangan pelajar dan pensyarah (lampiran 2.3).

Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) juga telah menjayakan pelbagai projek seperti program satu alumni satu komputer yang membantu pelajar golongan B40 mendapatkan kemudahan komputer yang secara langsung memanfaatkan masyarakat sekeliling dan menaikkan nama UiTM diluar dunia akademik. FPP telah berjaya mengumpul sebanyak RM65,158 dan berjaya menyumbang 44 komputer riba kepada pelajar dengan jumlah keseluruhan RM35,730. Selain itu, FPP juga terlibat dalam program-program kemasyarakatan seperti misi bantuan banjir bersama MyFundAction. FPP juga terlibat dalam program khidmat komuniti asas pengenalan risiko bersama pemilik dan pekerja taska di Selangor. Program bantuan program Bakul Prihatin yang melibatkan 200 penerima dari kalangan B40 juga diperkenalkan bagi menyokong hasrat universiti yang menyokong perkembangan komuniti dan menyokong usahawan muda dari kalangan pelajar FPP juga diperkenalkan. Ini membantu FPP meluaskan capaian bersama komuniti dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat yang menjadi teras utama objektif strategik UiTM (gambar rajah 2.3a, 2.3b, 2.3c dan 2.3d).

Perhubungan baik antara universiti dan para-alumni universiti memungkinkan kejayaan demi kejayaan dalam melaksanakan program bersifat servis masyarakat yang bermanfaat. Keusahawanan Malaysia (*Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED)*), juga mengambil peranan dalam memastikan Universiti beroleh peluang bagi pelajar dan pensyarah mengumpul dana, ilmu, dan mengetahui cara untuk melaksanakan pelan tindakan yang terbaik bagi menghasilkan perniagaan yang kalis efek ekonomi yang tidak stabil (gambar rajah 2.3e). **Penumpuan inisiatif diberikan kepada proses P&P yang melibatkan kumpulan sasar iaitu staf akademik dan pelajar yang telah dilaksanakan dalam**

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_P01_PB03_20221_FPP_Lampiran Perancangan Strategik_Gambar Rajah 2.3.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB03_20222_FPP_Lampiran Perancangan Strategik_Lampiran 2.3.pdf](#)
3. [F0023_P01_PB03_20223_FPP_Lampiran Perancangan Strategik_Gambar Rajah 2.3a, 2.3b, 2.3c, 2.3d.pdf](#)
4. [F0023_P01_PB03_20224_FPP_Lampiran Perancangan Strategik_Gambar Rajah 2.3e.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dalam usaha memastikan FPP kekal fokus dengan objektif dan inisiatif strategik yang telah ditetapkan untuk tahun 2020-2025, satu pelan pemantauan telah dirangka.

Perancangan strategik 2020-2025 terbahagi kepada lima (5) fasa transformasi iaitu Fasa 1 (2020-2021), Fasa 2 (2021-2022), Fasa 3 (2022-2023), Fasa 4 (2023-2024) dan Fasa 5 (2024-2025).

Bagi perancangan strategik 2020-2025, terdapat 7 teras utama iaitu Akademik, Hal Ehwal pelajar, Penyelidikan dan inovasi, Jaringan industri, masyarakat dan alumni, Pentadbiran, Kewangan dan Keusahawanan.

Jawatankuasa Perancangan Strategik membuat pelaporan mengenai pencapaian semasa FPP dan dibincang dalam mesyuarat pengurusan setiap enam bulan bagi memastikan FPP dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Pemantauan juga dibuat berdasarkan pelaporan yang diterima oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) bagi memastikan segala aktiviti yang telah dijalankan dilapor untuk direkodkan (jadual 2.4). **Mesyuarat bersama Dekan FPP diadakan untuk memastikan pengurusan FPP sentiasa mengetahui perkembangan terkini dan melakukan penambahbaikan sekiranya perlu** (gambar rajah 2.4a).

Pelan pemantauan adalah amat perlu bagi memastikan objektif strategik dan inisiatif strategik dilaksanakan dengan berkesan. Pelan pemantauan menggunakan *model 'plan, do, check, act'* (PDCA) dengan melibatkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan boleh dilihat di jadual 2.4a.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_P01_PB04_PC01_20221_FPP_Lampiran Perancangan Strategik_Jadual 2.4, 2.4a.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB04_PC01_20222_FPP_Lampiran Perancangan Strategik_Gambar Rajah 2.4a, 2.4b, 2.4c.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan FPP dapat mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah ditetapkan, beberapa langkah telah diambil oleh pihak pengurusan FPP. Langkah pertama, mengenal pasti risiko. Pihak pengurusan FPP telah mengenal pasti beberapa risiko yang berpotensi menjejaskan pencapaian sasaran. Langkah kedua, merancang tindakan. **Risiko yang telah dikenal pasti dijadikan panduan untuk merancang tindakan pencegahan yang bersesuaian melalui inisiatif yang bersesuaian.** Antara risiko yang boleh mengekang pencapaian objektif fakulti dapat dilihat dalam jadual 2.4b.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_P01_PB04_PC02_20221_FPP_Lampiran Perancangan Strategik_Jadual 2.4b.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Beberapa aspek risiko yang dikenal pasti yang berkemungkinan mempengaruhi pencapaian objektif dan inisiatif strategik FPP. Berikutan ini, pihak pengurusan FPP berusaha untuk menambahbaik dalam beberapa segi. Antara usaha yang telah dijalankan untuk penambahbaikan adalah dari segi kefahaman objektif dan inisiatif strategik FPP. Dari aspek ini, pengurusan FPP memastikan risiko-risiko ditangani, melalui pembentangan pencapaian tahun sebelum, semasa, dan keperluan bagi mencapai keperluan tahun semasa diterangkan dan di kongsi secara mendalam. **Perkongsian hasil penganalisan juga di lakukan untuk warga jabatan melalui mesyuarat akademik dan capaian media sosial. Perancangan penambahbaikan bagi mengatasi risiko adalah seperti jadual 2.4c dan bukti jadual 2.4c dilampirkan di lampiran bukti jadual 2.4c.**

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_P01_PB04_PC03_20221_FPP_Lampiran Perancangan Strategik_Jadual 2.4c.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB04_PC03_20222_FPP_Lampiran Perancangan Strategik_Lampiran Bukti Jadual 2.4c.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Setelah mengenalpasti risiko yang berpotensi mengekang pencapaian objektif dan inisiatif strategik yang menjadi halatuju fakulti, pengurusan FPP berusaha menjalankan proses penambahbaikan yang berkesan dalam menangani permasalahan ini. Oleh yang demikian, pihak FPP mengolah risiko yang ada dan menjadikannya sebagai pencetus peluang bagi inovasi. Dari hasil buah fikiran dan sesi perbincangan, FPP dapat membangunkan satu set sistem sokongan yang amat komprehensif dan berkesan melancarkan pengoperasian FPP dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). **Penumpuan inisiatif diberikan kepada proses P&P yang melibatkan kumpulan sasar iaitu staf akademik dan pelajar yang telah dilaksanakan dalam keseluruhan sistem FPP UiTM bagi merealisasikan objektif strategik yang dinyatakan**(jadual 2.4d, bukti jadual 2.4d dilampirkan di lampiran bukti jadual 2.4d).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_P01_PB05_20221_FPP_Lampiran Perancangan Strategik_Jadual 2.4d.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB05_20222_FPP_Lampiran Perancangan Strategik_Lampiran Bukti Jadual 2.4d.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Penglibatan pelanggan dalam P&P amat penting dalam menjayakan agenda bagi meningkatkan ketampakan pensyarah dan pelajar. Oleh yang demikian, FPP telah mengenalpasti pelbagai kaedah bagi memastikan kepuasan kepada pelanggan dapat dipenuhi. Maklumbalas daripada pihak pelanggan untuk penambahbaikan dialu-alukan, dan pelbagai medium telah diadakan.

Kumpulan sasaran bagi bidang tumpuan P&P terbahagi kepada empat (4) kumpulan utama seperti ditunjukkan iaitu pelajar, kakitangan, industri dan ibubapa/penjaga pelajar (gambar rajah 3.1). Perancangan bagi penentuan untuk setiap pelanggan tersebut telah ditetapkan dalam Perancangan Strategik Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) sebagai langkah awal perancangan sebelum operasi P&P dijalankan. Kumpulan sasaran merupakan elemen penting bagi pelaksanaan operasi P&P dalam mendapatkan akreditasi dari badan bertauliah.

Selaras dengan kepentingan yang diletakkan kepada pencapaian objektif kualiti yang menitikberatkan keseluruhan pemegang taruh, pelanggan misi serta proses juga dilihat penting dalam pada FPP bagi memastikan semua yang terlibat dalam merealisasikan misi serta objektif pengurusan, mendapat perhatian sewajarnya dari pihak universiti.

Kumpulan pelanggan telah dikenalpasti melalui inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan ialah jalinan kerjasama dengan universiti dan industri dalam dan luar negara (MOU/MOA) untuk menambah penampakan pelajar dan pensyarah, program pertukaran Pelajar (*inbound and outbound*), Program *Massive Open Online Course (MOOC)*, Program Kolaborasi Pelajar Dengan Universiti/Industri, Program Pelajar menjalani Latihan Industri di Syarikat Multinasional dan program pembudayaan keusahawanan. Selain itu, Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) telah bertindak sebagai pemudahcara dan pemangkin terhadap perhubungan dan jaringan industri, masyarakat serta penglibatan alumni universiti. Tambahan lagi, menyedari pentingnya penerapan nilai dan budaya keusahawanan di Universiti Awam (UA), Pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan Keusahawanan Malaysia (*Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED)*), UiTM komited menggalas tanggungjawab bagi mencapai matlamat menjadi Universiti berteraskan penyelidikan dan keusahawanan.

Bakal pelajar FPP dikenalpasti melalui kecenderungan atau minat mereka terhadap bidang pengurusan dan perniagaan. Proses menentukan pelajar adalah berdasarkan kelayakan yang diperlukan dalam mencapai kecemerlangan P&P di FPP.

Hasil penumpuan dan kejayaan cemerlang dari dua kategori pelanggan utama iaitu pensyarah dan pelajar telah melayakkan FPP mendapat pengiktirafan penuh di peringkat lokal dan antarabangsa contohnya *Operational Excellence Symposium 2021 for the category of Administrative Management*. Pensyarah FPP, Profesor Madya Dr Lennora Putit dan Dr Mohammad Khalil Omar juga diiktiraf di peringkat universiti dan antarabangsa bagi pencapaian dalam bidang penyelidikan dan P&P. Selain itu pensyarah-pensyarah FPP juga dijemput sebagai profesor pelawat di pelbagai institusi pengajian tempatan dan antarabangsa. Pensyarah FPP juga telah diberi pengiktirafan melalui pengurniaan geran-geran penyelidikan di peringkat universiti dan nasional (gambar rajah 3.1a). Pensyarah FPP juga telah dianugerahkan *Top Consultancy Award 2021* dalam *UiTM Alliance Award* (gambar rajah 3.1b).

Bagi kategori pelajar, pelbagai pengiktirafan juga telah diterima. Sebagai contoh, pelajar, Rasydan Mohd Hassan telah memenangi Pertandingan Sayembara Antarabangsa: Pidato Alam Melayu UiTM 2021. Selain itu, pelajar juga telah memenangi *International Management Case Competition 2021 (IMBUSION)* anjuran Fakultas Ekonomika dan Bisnis Universitas Negeri Surabaya. Pengiktirafan pelajar ini dilampirkan di gambar rajah 3.1c sekaligus melonjakkan FPP di mata dunia. Antara pendekatan yang dilakukan adalah melalui perancangan yang teliti

dalam mengemipadi pelanggan ini dirancang dan didasarkan untuk pengetahuan warga FPP
bagi tujuan penilaian dan penambahbaikan kaedah.

[Pencapaian FPP](#)

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kaedah mengenalpasti pelanggan ditunjukkan di dalam jadual 3.1 dibahagi kepada tiga (3) kategori iaitu kakitangan, pelajar, ibubapa/penjaga, dan pihak industri/alumni. Kaedah mengenalpasti pelanggan adalah berbeza bersesuaian mengikut kategori seperti yang diterangkan di dalam jadual 3.1. Kaedah mengenalpasti pelanggan dirancang dan disebarluaskan untuk pengetahuan warga FPP bagi tujuan penilaian dan penambahbaikan.

Kaedah ini dijalankan berdasarkan kepada perancangan sistematik yang telah disediakan dengan mengambil kira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan.

FPP telah memperkenalkan beberapa pendekatan untuk meningkatkan kepakaran pensyarah seperti program *Massive Open Online Course (MOOC)*, memberi penerapan nilai dan budaya keusahawanan melalui *Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED)*, program mobiliti pensyarah melalui "*FBM International Liaison Officer*", jaringan industri melalui aktiviti dan program daripada *Industry Community Alumni Network (ICAN)*, jaringan kerjasama MoU/MoA bagi meningkatkan kolaborasi projek dan penyelidikan dan aktiviti khidmat masyarakat melalui program daripada ICAN dan kolaborasi bersama *Student Activity Information System (SAIS)* untuk penglibatan bersama pelajar.

Bagi program MOOC, pensyarah telah menghasilkan program MOOC yang sesuai dan lebih komprehensif bagi menarik minat pelajar FPP mendaftar. Penerapan nilai kebudayaan dalam kalangan pensyarah juga telah disuntik melalui latihan yang diadakan oleh kerjasama dari pihak MDEC bagi pensyarah dari bidang pengurusan, khususnya kepada pensyarah yang mengajar kursus asas keusahawanan. Selain itu, pihak fakulti memberi ruang kepada pihak pensyarah bagi program mobiliti pensyarah untuk memberi pendedahan yang lebih meluas dari segi pengalaman dan penambahan ilmu. Aktiviti jaringan industri juga turut dipertingkatkan dalam kalangan pensyarah melalui ICAN untuk memperluaskan lagi rangkaian antara pihak pensyarah dan industri. Peningkatan dari segi projek penyelidikan dan penerbitan juga telah dilaksanakan dengan mengadakan kolaborasi MoU/MoA dikalangan pensyarah dengan pensyarah dari universiti luar serta industri. Untuk meningkatkan hubungan dengan komuniti dan masyarakat, pihak pensyarah turut terlibat dengan program yang dilaksanakan oleh ICAN.

Training of trainers (TOT) (gambar rajah 3.2.1) juga dijalankan bagi memantapkan aktiviti P&P di FPP. Aktiviti, kaedah-kaedah yang dilakukan untuk pendekatan kepakaran pensyarah dan pengoperasian secara terperinci dirumuskan seperti dalam jadual 3.1.

FPP juga telah melaksanakan beberapa aktiviti pendekatan pelajar antaranya ialah *Inbound and outbound* di mana pelajar diberi peluang serta menimba pengalaman di peringkat antarabangsa melalui *FBM Exchange Programme*, *Friend without Border* serta menyertai webinar antarabangsa bersama Binus University, Indonesia (gambar rajah 3.2). Pelajar FPP juga telah diberi peluang mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa dan telah memenangi sebahagian dari pertandingan itu. Contohnya pelajar FPP telah memenangi *International Management Case Competition 2021 (IMBUSION)* anjuran Fakultas Ekonomika dan Bisnis Universitas Negeri Surabaya (gambar rajah 3.2a). Selain itu, pelajar-pelajar juga berpeluang untuk mengikuti Program Kolaborasi Pelajar dengan Universiti dan Industri serta menjalani latihan industri di syarikat-syarikat multinasional bagi meningkatkan kemahiran dan pendedahan luar. Pelajar juga diterapkan dengan budaya keusahawanan melalui penglibatan MASMED dan kursus ENT530 serta memberi pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan memberi semula kepada komuniti dan masyarakat melalui aktiviti khidmat masyarakat (gambar rajah 3.2). Ibu bapa dan para pelajar diberi pendedahan program yang sesuai mengikut pencapaian akademik pelajar melalui program Selangkah UiTM dan Jom Masuk U (gambar rajah 3.2b) oleh FPP. Aktiviti yang dilakukan untuk pendekatan pelajar dan pengoperasian secara terperinci dirumuskan seperti dalam jadual 3.1.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_T01_TB02_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.1.3.1a.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB02_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.1b, 3.1c.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB02_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Jadual_3.1.pdf](#)
4. [F0023_T01_TB02_20224_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.2.1.pdf](#)
5. [F0023_T01_TB02_20225_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.2.3.2a, 3.2b.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Di dalam mengukur keberkesanan pencapaian pelanggan, FPP telah menggunakan kaedah 5M yang merangkumi 3 fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas sesuatu **aktiviti telah dilaksanakan dalam keseluruhan sistem FPP UiTM** seperti yang diterangkan dalam jadual 3.3.

Kaedah pengumpulan dan penyimpanan data pelajar dibuat secara sistematik dan berkomputeran dalam bentuk *offline* dan *online* seperti yang ditunjukkan di dalam gambar rajah 3.3(a) FBMS dan *iStudents Portal*. Data pelajar disimpan di dalam *Student Information Management System (SIMS)*. Data pelajar yang boleh diakses dari SIMS adalah maklumat peribadi, program akademik serta pencapaian keputusan akademik. Manakala, data pensyarah boleh diakses di portal staff, manakala maklumat aktiviti akademik pensyarah boleh didapati di laman sesawang FPP.

FPP menonjolkan ketampakan bidang kepakaran pensyarah secara dalaman dan luaran. Secara khususnya, bagi ketampakan bidang kepakaran pensyarah secara dalaman, beberapa perlaksanaan telah dilakukan. Salah satu perlaksanaan secara dalaman yang telah dilakukan adalah memberi penghargaan kepada para pensyarah yang melakukan tugas dengan cemerlang melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi memperluaskan bidang kepakaran pensyarah dan menghargai hasil kerja yang berkualiti (lampiran 3.4). Selain itu, pihak fakulti juga turut mengadakan Anugerah Akademik bagi memberi penghargaan dan motivasi kepada para pensyarah dalam melebarkan dan menambahkan lagi kepakaran pihak pensyarah dalam bidang tumpuan pilihan. Di samping itu, pihak fakulti juga turut melaksanakan bengkel *Outcome Based Education (OBE)* (gambar rajah 3.4a) untuk mempertingkatkan kefahaman pensyarah terhadap bidang kepakaran dan juga untuk pemantapan kefahaman tentang bidang tumpuan.

Manakala, bagi menonjolkan ketampakan kepakaran pensyarah secara luaran, aktiviti penulisan artikel-artikel surat khabar yang berkaitan dengan isu-isu semasa turut menjadikan pensyarah dikenali serta mendapat liputan dari luar.

[Artikel pensyarah FPP](#)

Melalui penulisan ini juga, pensyarah telah berjaya menjadi panel jemputan bagi berkongsi pengalaman serta pengetahuan tentang bidang kepakaran masing-masing di siaran TV/Bername. Sejalan dengan istilah *visibility*, aktiviti-aktiviti ini secara tidak langsung telah mendedahkan kelebihan dan kebolehan pensyarah tersebut dengan lebih meluas. Selain itu, kolaborasi pensyarah bersama industri dan pensyarah dari institusi luar dalam bidang penyelidikan telah memberi impak yang besar dalam menonjolkan ketampakan bidang pensyarah secara luaran (gambar rajah 3.4b).

Di dalam konteks pelajar, hasil ketampakan dapat dilihat melalui penglibatan pelajar dalam pertandingan *Business Case Study*. Antara perlaksanaan lain untuk kemahiran para pelajar dari segi pembuatan keputusan, penyelesaian masalah, serta kebolehan para pelajar dalam memahami hubungan di antara konteks dan fenomena sebenar, fakulti menyetujui kursus yang melibatkan *Business Case Study* (gambar rajah 3.4c). Pihak fakulti juga mempunyai hubungan serta jaringan yang baik dengan Alumni FPP yang kini merupakan pihak berkepentingan di dalam industri (gambar rajah 3.4d). Justeru, penglibatan aktif Alumni ini dapat digunapakai sebaiknya dalam menambahbaik program-program di FPP dengan menjemput Alumni sebagai panel bagi *Curriculum Review*, serta pelbagai program bersama pelajar bagi perkongsian ilmu serta pengalaman dalam bidang tertentu (gambar rajah 3.4e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023 T01 TB03 20221 FPP Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan Gambar Rajah](#)

[3.3a.pdf](#)

2. [F0023_T01_TB03_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Jadual 3.3.pdf](#)

3. [F0023_T01_TB03_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Lampiran 3.4.pdf](#)

4. [F0023_T01_TB03_20224_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.4a, 3.4b, 3.4c, 3.4d, 3.4e.pdf](#)

5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil ketampakan bidang kepakaran terhadap para pensyarah dan para pelajar dapat dilihat melalui aktiviti pemantauan yang berterusan. Khususnya kepada para pensyarah, hasil ketampakan bidang kepakaran dinilai melalui tiga (3) kaedah iaitu *Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS)*, *Student Feedback Online (SUFO)*, dan *Teaching Self-Assessment (TESA)* (lampiran 3.4.1a dan gambar rajah 3.4.1a). Bagi menilai kualiti para pensyarah dalam pengajaran, PRO-PENS dilaksanakan melalui pemantauan dari pensyarah pakar khususnya dalam kaedah pengajaran, kandungan fail pengajaran, dan komunikasi semasa sesi pembelajaran. Pemantau turut hadir bersama-sama sesi kuliah dijalankan untuk menilai kualiti pensyarah tersebut. Selain PRO-PENS, SuFO juga adalah salah satu kaedah untuk menilai hasil ketampakan bidang kepakaran pensyarah. Penilaian SuFO dilaksanakan oleh para pelajar untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran, demi kepentingan pelajar dan UiTM supaya kualiti program dan program akreditasi pelajar terjaga. Penilaian ini dibuat oleh pelajar melalui sistem *U-FUTURE*, iaitu melalui kajian soal selidik berkaitan dengan penilaian terhadap prestasi pensyarah tersebut. Keberkesanan pengajaran para pensyarah juga dapat dinilai melalui TESA. Penilaian TESA ini perlu dilakukan oleh pensyarah sendiri, melalui sistem *U-FUTURE* dengan kaedah soal selidik bagi penilaian prestasi hasil ketampakan bidang kepakaran (lampiran 3.4.1a dan gambar rajah 3.4.1a).

Pihak pengurusan FPP turut memantau ketampakan pelajar melalui beberapa kaedah. Di antara kaedah yang dilaksanakan adalah melalui laporan *CLOSING THE LOOP – CONTINUOUS QUALITY IMPROVEMENT (CDL-CQI)* (lampiran 3.4.1b, 3.4.1c), pencapaian PLO, serta pemantauan pelajar-pelajar melalui program pemantapan pelajar (PERMATA) (gambar rajah 3.4.1b). Secara amnya, laporan CDL merupakan mekanisme yang digunapakai bagi mengukur keberkesanan OBE-SCL (pembelajaran berpusatkan pelajar) bagi semua kursus. Manakala, hasil dari analisis CDL pula boleh digunapakai bagi meningkatkan kualiti secara berterusan. Justeru, pemantauan pelajar dapat dilaksanakan dengan lebih jelas melalui pelaporan CDL-CQI ini. Selain itu, pencapaian PLO juga turut digunapakai bagi memantau pencapaian pelajar dalam akademik. Program PERMATA pula ditubuhkan bagi memastikan berlakunya peningkatan pencapaian pelajar yang menghadapi masalah dalam pembelajaran. Melalui program pemantapan pelajar ini, pihak industri turut dijemput bagi perkongsian ilmu yang dapat memberi manfaat kepada pelajar. **Hasil pemantauan ini akan digunakan untuk mengkaji semula sistem pengurusan FPP.** Penerangan secara terperinci tentang proses pemantauan P&P bagi FPP di lampirkan di jadual 3.4, bukti jadual 3.4 dilampirkan di lampiran bukti jadual 3.4.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_T01_TB04_TC01_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.4.1a dan Lampiran 3.4.1a.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB04_TC01_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Lampiran 3.4.1b, Lampiran 3.4.1c.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB04_TC01_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.4.1b.pdf](#)
4. [F0023_T01_TB04_TC01_20224_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Jadual 3.4.pdf](#)
5. [F0023_T01_TB04_TC01_20225_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Bukti Jadual 3.4.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pihak fakulti FPP telah mengenalpasti beberapa risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan dan kejayaan bagi setiap kumpulan pelanggan iaitu pensyarah, dan pelajar atau ibu bapa. Bagi kumpulan pelanggan pensyarah, kekurangan sumber kewangan dan kepakaran menjadi salah satu risiko utama yang boleh menjejaskan hasil kepakaran bagi para pensyarah. Kekurangan dua sumber yang besar ini menjadi punca utama pelaksanaan yang telah dirancang tidak dapat direalisasikan dengan sempurna. Antara risiko lain yang dikenalpasti adalah program-program yang telah dibangunkan oleh pihak fakulti FPP kurang mendapat sambutan daripada pihak pensyarah dan penganjuran program tidak menjurus kepada objektif yang strategik. Selain itu kekangan capaian internet dan juga masa yang terhad juga merupakan risiko utama bagi kalangan pensyarah.

Jumlah pelajar dan ibu bapa yang besar merupakan risiko bagi pihak fakulti untuk melaksanakan program dan aktiviti kerana memerlukan belanjawan yang tinggi. Antara sumber lain yang menjadi risiko yang menjejaskan pelaksanaan dan kejayaan hasil tampakan inovasi dan prestasi pelajar ialah kekangan sumber capaian internet. Kekangan capaian internet ini menyebabkan risiko dalam pelaksanaan program secara atas talian dan penyebaran maklumat-maklumat penting kerana kekangan capaian internet. Selain itu, antara risiko-risiko lain ialah para pelajar dan ibu bapa tidak mendapat maklumat aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak FPP dan kurang mendapat sambutan daripada pelajar. Penerangan secara terperinci tentang pengurusan risiko diterangkan di jadual 3.4a dan **pelan tindakan pencegahan dan FPP memfokuskan kepada pilihan strategi yang sesuai dalam mengurus risiko.**

Pihak fakulti telah menyediakan beberapa alternatif untuk mengatasi risiko-risiko yang telah dikenal pasti yang berkemungkinan dapat menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian maklum balas pelanggan iaitu pensyarah dan pelajar atau ibu bapa. Antara pengurusan risiko yang dilaksanakan adalah membuat penjimatan kos dari segi penumpuan program dan menyediakan e-sijil kepada para pelanggan untuk menghargai penglibatan para pelanggan. Selain itu, bantuan capaian internet buat golongan B40 juga turut disediakan oleh pihak fakulti untuk mengatasi masalah capaian internet. Untuk mengatasi risiko kekangan capaian internet juga, FPP menggalakkan penggunaan platform yang hanya menggunakan rangkaian internet yang minimum seperti whatsapp, email, dan telegram yang bersesuaian selain dari platform zoom, google meet, webex, microsoft teams dan lain-lain. Jadual 3.4a menunjukkan **risiko dan pelan merancang tindakan pencegahan bagi pelanggan dalaman secara lebih terperinci.**

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_T01_TB04_TC02_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Jadual 3.4a.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Di dalam menjayakan pelaksanaan P&P yang berkesan, pihak FPP telah melaksanakan beberapa aktiviti, di antaranya adalah Bengkel *OBE Refreshment* seperti dalam gambar rajah 3.4a kepada pensyarah yang diadakan secara berkala setiap tahun. Pengetahuan OBE ini dipanjangkan berterusan kepada pelajar pada pertemuan hari pertama kuliah setiap semester bagi dipastikan kesinambungannya sepanjang tempoh pengajian pelajar di FPP.

FPP melantik pensyarah-pensyarah menjadi pakar rujuk di dalam bidang kepakaran masing-masing. FPP juga telah menganjurkan *training of trainer* (TOT) bagi pakar-pakar rujuk berkongsi maklumat dengan pensyarah fakulti (gambar rajah 3.4.3).

Selain itu FPP juga memperkenalkan *MyFin\$Lab* seperti dalam gambar rajah 3.4.3a. Antara kandungan dalam *MyFin\$Lab* terdiri dari e-Book kursus, dapat membuat, mengimport, dan menguruskan tugas, kuiz, dan ujian dalam talian yang dinilai secara automatik. Ia adalah salah satu alat dalam aplikasi pengajaran dalam talian yang membolehkan pensyarah berinteraktif dengan pelajar dengan lebih efektif.

Bagi memantau prestasi pelajar dalam P&P, FPP memperkenalkan program penasihat akademik. FPP juga memperkenalkan sistem dalam talian iaitu *Faculty Business and Management Integrated System (FBMIS)* bagi melancarkan aktiviti dan pengoperasian P&P di FPP. Gambar rajah 3.4.3b menunjukkan sistem-sistem berkenaan.

Pihak pengurusan FPP telah berinovasi mewujudkan kaedah yang dapat memastikan budaya positif dikalangan pelanggan sentiasa berada di tahap yang baik. Kaedah tersebut adalah dengan memberi imbuhan dan sijil sebagai tanda penghargaan terhadap kecemerlangan akademik sekaligus sebagai galakan dan motivasi yang berterusan terhadap pelanggan. Melalui cara ini, pelanggan lebih kompetitif untuk memberikan yang terbaik dalam sesi P&P di mana impaknya akan terkesan kembali kepada pihak FPP. Di antara inovasi yang telah diwujudkan adalah ganjaran dalam bentuk majlis apresiasi *Jewel of The Crown* untuk setiap penerbitan jurnal berwasit, bagi meraikan kejayaan cemerlang para pensyarah dalam bidang akademik. Manakala khusus buat pelajar, telah diadakan Anugerah Dekan dan Malam Pra-Graduan (lampiran 3.4.3 dan gambar rajah 3.4.3c).

Hasil kepekaan pihak pengurusan FPP terhadap keperluan pelanggan dapat dilihat melalui tindakan yang di ambil terhadap maklumbalas e-aduan yang dibincangkan di peringkat mesyuarat eksekutif bagi tindakan penambahbaikan.

Mesyuarat berkala secara bersemuka dan dalam talian juga dijalankan bagi setiap jabatan bagi memantau aktiviti P&P serta **mewar-warkan apresiasi fakulti kepada warga FPP bagi meningkatkan penampakan pensyarah dan pelajar.**

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_T01_TB04_TC03_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.4.3.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB04_TC03_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.4.3a.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB04_TC03_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.4.3b.pdf](#)
4. [F0023_T01_TB04_TC03_20224_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.4.3c.pdf](#)
5. [F0023_T01_TB04_TC03_20225_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Lampiran 3.4.3.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Maklumat berkaitan P&P dan aktiviti pelajar boleh diakses di portal pelajar, media sosial fakulti dan program masing-masing. Wakil pelajar juga memainkan peranan bagi mengintegrasikan maklumat kepada pelajar (gambar rajah 3.5). Portal pelajar juga dipautkan di *Student Information Management System (SIMS)*. Maklumat peribadi pelajar, program akademik serta pencapaian keputusan akademik boleh diakses di portal tersebut (gambar rajah 3.5a).

Data pelajar disimpan di dalam SIMS dan dipautkan kepada system U-FUTURE. Seterusnya data dari U-FUTURE juga dipautkan ke sistem *Association of Information Management System (AIMS)* (gambar rajah 3.5b). **Intergrasi ini digunakan di seluruh sistem UiTM Malaysia.** Pihak FPP juga telah mewujudkan penasihat akademik bagi tujuan penambahbaikan terhadap pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang kurang memberangsangkan.

Data penggerak akademik boleh diperolehi di portal staff, manakala maklumat aktiviti akademik pensyarah boleh didapati di laman sesawang FPP. FPP turut berjaya menyambungkan *news hub UiTM (WOW News)* dalam gambar rajah 3.5c dengan pelaporan aktiviti FPP dimuatnaik pada laman sesawang <https://news.uitm.edu.my/tag/FPP/>. Pelaporan yang efisien ini menyebabkan berita dapat disebarluaskan dengan lebih mudah dan pantas. Mesyuarat berkala secara bersemuka dan dalam talian juga dijalankan bagi setiap jabatan bagi memantau aktiviti P&P. **Inisiatif ini dilihat telah berjaya mewartakan apresiasi fakulti kepada warga FPP bagi meningkatkan penampakan pensyarah dan pelajar.**

Seterusnya data peribadi pensyarah juga dipautkan di sistem MyATP bagi memudahkan proses pemantauan dari pihak pengurusan dan proses kenaikan pangkat pensyarah.

FPP juga membangunkan sistem dalaman *Faculty Business and Management Integrated System (FBMIS)* bagi melancarkan pengoperasian P&P. Antara objektif sistem integrasi ini adalah untuk memudahkan fakulti menjejaki dan mengemaskini segala bentuk aktiviti P&P staf dan pelajar, di samping melakukan perancangan strategik fakulti. Hasil dari pembangunan sistem ini telah mencetuskan inovasi dalam integrasi P&P FPP dan telah memenangi beberapa anugerah inovasi di peringkat UiTM dan Nasional seperti anugerah silver di INoDEx 2021 (gambar rajah 3.5d).

Selain itu, aktiviti berkaitan pelanggan industri dikoordinasi di bawah Unit Pengurusan-Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) dan maklumat diurusadbir oleh Koordinator yang dilantik. Maklumat berkaitan aktiviti dimasukkan ke dalam sistem *Research, Innovation, Industry, Community Information System (RIIS)* bagi pelaporan aktiviti bersama jaringan industri, masyarakat dan alumni bagi menyumbang kepada pencapaian MyRa FPP. Fungsi FBMIS dilampirkan di gambar rajah 3.5e.

[Laman Sesawang FPP WOW News](#)

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_T01_TB05_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.5.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB05_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.5a, 3.5b.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB05_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.5c.pdf](#)
4. [F0023_T01_TB05_20224_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Pelanggan_Gambar Rajah 3.5d.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan kepada bidang Akreditasi, Penampakan Pensyarah, dan Penampakan Pelajar amat dititikberatkan kerana ia menunjukkan tahap prestasi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP) dan menjadi kayu pengukur utama kepada tahap pencapaian Pensyarah dan Pelajar FPP secara keseluruhannya. Justeru itu, bagi memastikan segala pencapaian dari segi pelaksanaan serta inisiatif yang strategik dapat dicapai dengan jayanya, FPP telah menyusun segala bentuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan, dan tindakan penambahbaikan yang sistematik dengan kaedah menganalisa dan mengurus pengetahuan secara menyeluruh bagi diukur keberkesanannya secara berkala.

Data P&P dari segenap aspek yang bertepatan dikumpul secara berkala bagi memastikan tujuan perancangan tercapai, proses pelaksanaan diperinci, pemantauan yang komprehensif, mengenalpasti risiko untuk mengelakkan kegagalan mencapai objektif, mengkaji semula hasil yang diperolehi bagi penambahbaikan secara berterusan, serta memastikan kesemua maklumat yang dikumpul ini dapat diintegrasikan bagi tujuan penganalisaan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan FPP menjurus ke aras kelestarian prestasi yang cemerlang dan optima di kalangan Pensyarah serta Pelajar dalam bidang P&P. Pengukuran kriteria dan metod yang digunakan FPP bagi pengurusan maklumat P&P adalah seperti berikut:

Pengukuran Kriteria 1: Akreditasi

Metod:

1. Akreditasi penuh daripada *Finance Accreditation Agency (FAA)* untuk Program FPP – BA241 (Insurance), BA242 (Finance), BA249 (Islamic Banking), dan BA250 (Business Economics).
2. Akreditasi penuh daripada *Asia Pacific Institute for Events Management (APIEM)* untuk Program FPP – BA236 (Event Management).
3. FPP diiktiraf sebagai ahli gabungan dalam *European Foundation for Management Development (EFMD)*.
4. Penilaian *Final Year Project (FYP)* oleh Panel Dalaman/Luaran (Industri).
5. Penilaian *Integrated Design Project (IDP)* oleh Panel Dalaman/Luaran (Industri).
6. Penilaian Latihan Industri (LI) oleh Panel Dalaman/Luaran (Industri).
7. Laporan *Industry Advisory Panel (IAP)* untuk penambahbaikan silibus dan soalan peperiksaan – External Examiner (Visiting Professor).
8. Bilangan pelajar *Graduate on Time (GOT)*.
9. Bilangan Alumni yang bekerja di dalam dan luar negara – *Industry, Community, and Alumni Network (ICAN)*.
10. Sistem FBMIS – khas untuk pensyarah memantau aktiviti seharian, merekodkan latihan yang dihadiri, menyenaraikan aktiviti pelajar, dan perancangan strategik.

Pengukuran Kriteria 2: Penampakan Pensyarah

Metod:

1. Fail kursus pensyarah – akses melalui *Academic Information Management System (AIMS)* dan *Course File Information System (CFIS)*

2. Rekod Penilaian & Pengajaran Pensyarah – akses melalui AIMS di bawah penilaian PRO-PENS/TESA melalui platform U-Future.
3. Index Penunjuk Prestasi (KPI) – Amanah Tugas Khas (ATP) Pensyarah dinilai melalui Sistem MyATP
4. Survey Kepuasan Pelanggan – *Students' Feedback Online* (SUFO)
5. Mobiliti Pensyarah ke Luar Negara
6. Anugerah Khas tahunan peringkat fakulti, universiti, kebangsaan & antarabangsa – Anugerah *Jewel in the Crown*
7. Anugerah Inovasi – Pensyarah
8. Pencapaian *Malaysian Research Assessment* (MyRA)
9. Pencapaian Penerbitan Buku Jurnal Berwasit
10. Sumber Rujukan Kepakaran dalam bidang penyelidikan
11. Perolehan geran – dalaman dan luaran
12. Hebahan melalui media massa – Buletin Dalaman (QSWOW) dan Kontak Luar (Malaysia Hari Ini)
13. Penubuhan *Research Focus Group* (RFG) – pensyarah senior dan junior bergabung dalam menerbitkan jurnal artikel (geran dalaman/luaran)

Pengukuran Kriteria 3: Penampakan Pelajar

Metod:

1. Penyertaan pelajar FPP dalam pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
2. Penglibatan pelajar FPP dalam aktiviti kemasyarakatan
3. Anugerah Inovasi Pelajar – Mesyuarat Kumpulan Wang Pengurusan (Keraian Pelajar)
4. Penyertaan pelajar dalam aktiviti FPP – peruntukan dana Kumpulan Wang Pengurusan (KWP)
5. Hebahan melalui media massa

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kaedah pengukuran bagi kesemua data perancangan serta pencapaian yang berkaitan dengan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) ini bersandarkan kepada perancangan yang sistematik dengan menitikberatkan elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan. Pengumpulan data ini bukan sahaja penting dalam usaha FPP untuk memastikan penambahbaikan dapat dilakukan secara berterusan, malah ia juga amat kritikal dalam menjamin kualiti pengurusan maklumat serta pembangunan sendiri pelajar FPP. Item pengukuran P&P yang digunakan oleh FPP terhadap ketiga-tiga bidang tumpuan utama yang dipilih iaitu Akreditasi, Penampakan Pensyarah dan Penampakan Pelajar diterjemahkan dalam gambar rajah 4.1. Seterusnya, gambar rajah 4.2 pula merupakan model yang digunakan oleh FPP untuk tujuan pengukuran, analisa, dan pengurusan pengetahuan.

Bagi merealisasikan kriteria pertama P&P iaitu Akreditasi, FPP telah mengambil inisiatif dengan keterlibatan di kalangan alumni, industri, pemegang taruh, serta badan professional. Ini bagi memastikan pengurusan data serta maklumat terkini adalah relevan dengan kehendak semasa pasaran dan industri (gambar rajah 4.3 dan 4.4). Pendekatan yang diambil oleh FPP ini bagi P&P adalah dengan memfokuskan kepada perkembangan inovasi serta ilmu pengetahuan berorientasikan kepada pengalaman pelajar dan staf akademik FPP itu sendiri.

Bagi memenuhi kriteria kedua P&P iaitu Penampakan Pensyarah (gambar rajah 4.5 hingga 4.12), **FPP telah bertindak merekodkan secara sistematik segala bentuk inovasi serta perkongsian ilmu dari pensyarah.** Salah satu usaha FPP bagi menghargai usaha dan idea bernas pensyarah dalam menjayakan P&P dengan mewujudkan Anugerah Inovasi dan juga Anugerah Khas serta dihebahkan kehebatan mereka kepada seluruh warga FPP melalui Buletin Dalaman iaitu 'QSWOW' dan kepada seluruh rakyat Malaysia melalui 'Malaysia Hari Ini' (MHI). FPP turut mewujudkan sistem AIMS dan CFIS bertujuan untuk perkongsian ilmu sesama staf akademik. Manakala platform lain seperti MyRA dan RFG turut diwujudkan sebagai medium perkongsian ilmu melalui penyelidikan bagi memastikan pengurusan data serta maklumat sesama pensyarah, para pelajar FPP, dan kepada umum adalah telus dan tepat.

FPP telah mewujudkan jawatankuasa khas iaitu *Teaching & Learning Unit* sebagai satu usaha untuk memenuhi kriteria ketiga P&P iaitu Penampakan Pelajar. Unit ini bertanggungjawab dalam memastikan kesemua pensyarah FPP dilengkapi ilmu berasaskan teknologi terkini yang turut diselaraskan bagi memastikan pengurusan maklumat serta penyampaian ilmu adalah tepat, jitu dan pantas diakses oleh para pelajarnya.

Pensyarah FPP berusaha keras dalam membudayakan amalan penambahan ilmu yang berkualiti dalam usaha menarik minat para pelajarnya supaya tampil berani dengan idea-idea segar dan berinovasi tinggi. Pensyarah berusaha mendorong dan menyokong pelajar FPP untuk menyertai pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penglibatan serta pencapaian pelajar FPP dalam pelbagai aktiviti dan pertandingan dibincangkan dalam Mesyuarat Kumpulan Wang Pengurusan (Keraihan Pelajar) bagi mendapatkan kelulusan dan peruntukan dana untuk projek yang mereka sertai. Anugerah Inovasi telah diwujudkan bagi membakar semangat pelajar FPP agar tampil dengan idea bernas serta kemenangan mereka diraikan dalam majlis yang gilang gemilang bagi menghargai pencapaian mereka. Kemenangan mereka turut dihebahkan di dalam Buletin Dalaman FPP. Dalam usaha meningkatkan kualiti pelajar bagi memartabatkan UiTM di mata dunia, FPP telah memperkenalkan program *FBM Exchange Student* yang melibatkan universiti-universiti terkemuka dunia antaranya di China, Indonesia dan Kazakhstan (gambar rajah 4.13 - 4.16).

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_A01_AB02_20221_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.1.pdf](#)

2. [F0023_A01_AB02_20223_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.2.pdf](#)
3. [F0023_A01_AB02_20223_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.3, 4.4.pdf](#)
4. [F0023_A01_AB02_20224_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.5 - 4.12.pdf](#)
5. [F0023_A01_AB02_20225_FPP_Lampiran TPengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.13 - 4.16.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FPP adalah fakulti terbesar di UiTM yang menggalas tanggungjawab yang amat besar dalam memberikan pendidikan yang lebih transformatif bersumberkan teknik Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang paling efektif sebagai strategi utama dalam usaha melahirkan graduan yang cemerlang dan terbilang di persada dunia. Justeru itu, FPP komited dengan menawarkan pelbagai program bermula dari peringkat diploma sehinggalah ke peringkat sarjana yang akan menjadi penyumbang terbesar kepada pencapaian pelajar di pelbagai peringkat pembelajaran. **Pelaksanaan ini merangkumi keseluruhan FPP di mana pensyarah dan pelajar disatukan dengan amalan P&P yang inovatif dan kreatif bersumberkan teknologi paling terkini bagi meningkatkan tahap perkongsian ilmu serta penyelidikan.**

Di FPP, kami mengamalkan sesi dialog sebagai medium untuk berkomunikasi secara telus dan lebih berkesan dengan pihak ibu bapa, pakar rujuk matapelajaran serta pengamal industri. FPP memberikan penekanan yang amat tinggi pada sesi interaksi ini dengan disusuli mesyuarat tinjauan program secara berkala bagi memastikan program di FPP tetap relevan dengan keperluan semasa industri. Hasil maklum balas melalui sesi dialog ini menjadi titik tolak dalam usaha FPP melahirkan lebih ramai graduan yang bukan sahaja memenuhi kehendak pasaran malah berkaliber tinggi dalam semua bidang pekerjaan.

Sehubungan dengan itu, FPP turut percaya bahawa konsep *internalization* adalah wajar dititikberatkan kerana umumnya konsep pengantarabangsaan ini mampu menyatukan pelajar dari pelbagai lapisan budaya di seluruh pelusuk dunia melalui proses P&P yang diamalkan di FPP (gambar rajah 4.17 – 4.20). FPP berjaya melancarkan pelbagai program ilmiah antaranya adalah *Visiting Professor, International Guest Lecture, International Webinar Series, International Conference*, dan *Public Lecture* sebagai langkah meningkatkan kualiti P&P serta **mengetengahkan FPP di persada dunia di era pandemik secara bersemuka mahupun secara maya** (gambar rajah 4.21).

FPP turut mengambil inisiatif memperkenalkan program *International Students Mobility* dengan menggalakkan pelajar luar negara untuk menyertai program *Inbound – Student Exchange* dan *Summer Programme* serta menggalakkan pelajar FPP untuk menyertai program *Outbound – Study Abroad* dalam usaha meningkatkan kualiti pelajar FPP khususnya. Antara program yang berjaya dipelopori pelajar FPP adalah seperti *Student Employment Experience Development (SEED)*, *Global Undergraduate Exchange Program (UGRAD)* dan *South-East Asian Sales Competition (SEASAC) 2021*. Ternyata usaha ini membuahkan hasil di mana sejumlah 112 pelajar telah menyertai program *Student Exchange* manakala jumlah penyertaan lain adalah 49 pelajar *Inbound* dan 40 pelajar *Outbound* (gambar rajah 4.22 – 4.25). Program seumpama ini mampu menjadi aspirasi dalam membentuk watak dan jati diri pelajar yang lebih berdaya saing, keyakinan diri yang tinggi, memupuk sifat kepimpinan, membina sahsiah diri yang sihat, dan melahirkan generasi yang lebih berdisiplin. Usaha ini mampu mengembangkan kemahiran pelajar bersosial secara sihat dan berkeupayaan memupuk semangat perhubungan awam. Maka **FPP menggalas tanggungjawab ini dalam usaha melahirkan graduan yang mempunyai semangat juang yang tinggi dan berdaya saing di peringkat dunia.**

FPP turut menawarkan sijil peringkat profesional seperti *EFMD, CMI, CILT*, dan *CIM* (gambar rajah 4.26). Usaha ini juga bagi menarik minat pelajar asing dari segenap benua bagi melanjutkan pengajian di FPP yang mendapat pengiktirafan antarabangsa. UiTM amnya turut mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai universiti yang mampu mengekalkan prestasi yang mampan dalam usaha mengurangkan jejak ekologi universiti dalam bidang pendidikan dan penyelidikan (gambar rajah 4.27).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_A01_AB03_20221_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan](#)

[Pengetahuan_Gambar Rajah 4.17 - 4.20.pdf](#)

2. [F0023_A01_AB03_20222_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.21.pdf](#)

3. [F0023_A01_AB03_20223_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.22 - 4.25.pdf](#)

4. [F0023_A01_AB03_20224_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.26.pdf](#)

5. [F0023_A01_AB03_20225_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.27.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Semua dapatan data dan analisis akan dipantau dan dikajisemula oleh pihak pengurusan FPP bagi tujuan pembangunan dan penambahbaikan untuk masa hadapan. Ianya melibatkan kepimpinan kanan FPP yang akan meneraju Mesyuarat Semakan Kurikulum, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Perancangan Strategik (MPS), Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Kesepakatan, Mesyuarat Kumpulan Wang Pengurusan (Keraian Pelajar) dan Mesyuarat Kewangan dan Perolehan.

Proses pemantauan pencapaian prestasi dilakukan secara berkala dan berperingkat mengikut dapatan data yang dianalisis bagi mengukur pencapaian sasaran berdasarkan PI. Pemantauan prestasi melibatkan pegawai yang bertanggungjawab iaitu TD PJI, TD HEP, TD HEA, TD ICAEN, Koordinator, KPP, Penasihat dan Pegawai Perhubungan FPP yang dilantik bagi menyediakan laporan serta membentangkan status pencapaian program seliaan masing-masing dalam Mesyuarat Pengurusan FPP dan JAF bagi **mendapatkan maklumbalas dan penambahbaikan** (gambar rajah 4.28).

Ketelusan rumusan perbincangan dan hasil penganalisan turut dikongsi kepada seluruh warga FPP melalui Mesyuarat Pusat Pengajian serta Mesyuarat dan Amanat Bersama Dekan. Semua analisis beserta perancangan aktiviti termasuk yang telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya akan dibentangkan oleh pemimpin kanan fakulti mengikut portfolio masing-masing bertujuan untuk mengukur pencapaian aktiviti pada tahun sebelumnya samada mencapai sasaran PI. Penambahbaikan yang telah dibuat akan direkodkan dalam pelaporan CDL-CQI-PDCA. Penglibatan pihak tertinggi dan seluruh warga FPP dalam perkongsian maklumat ini sangat membantu dalam proses menyemak semula pencapaian bidang tumpuan P&P.

Pemantapan P&P khususnya dari segi pengemaskinian kurikulum program mengikut MQA, KPT (rundingan meja bulat diadakan setiap 2 tahun) (gambar rajah 4.29). Panel yang terlibat dalam rundingan ini melibatkan Alumni, wakil daripada industri, TDHEA, KPP, KK, dan AJK kurikulum setiap program FPP. Penganalisan rekod akademik serta pemantauan turut dimantapkan dengan analisis CDL-CQI bagi setiap program, laporan PRO-PENS dan analisa peperiksaan yang dibincangkan di dalam mesyuarat JAF (gambar rajah 4.31). Maklumbalas daripada pelajar melalui EES dan SUFO turut dianalisis bagi meningkatkan kefahaman terhadap kehendak pelajar (gambar rajah 4.30).

Manakala, Unit Kualiti dan Unit Perancangan Strategik FPP turut terlibat dalam pelan perancangan strategik dan pemantauan untuk setiap pencapaian dan aktiviti. Laporan pencapaian objektif kualiti dan status indeks pencapaian (BTU) turut dibentangkan bagi mengesahkan semakan terhadap pencapaian fakulti bagi meningkatkan pencapaian dalam mengurus pembangunan pengetahuan, kemahiran, keusahawanan, dan pembangunan nilai pelajar.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_A01_AB04_AC01_20221_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.28.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB04_AC01_20222_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.29.pdf](#)
3. [F0023_A01_AB04_AC01_20223_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.30.pdf](#)
4. [F0023_A01_AB04_AC01_20224_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.31.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko adalah kemungkinan yang akan berlaku disepanjang perancangan atau aktiviti yang boleh menghasilkan rumusan yang bagus atau sebaliknya. Kegagalan menguruskan risiko dengan baik akan mengganggu proses pengukuran, analisis, dan pengurusan maklumat dan seterusnya akan menjejaskan tumpuan kepada pencapaian KPI FPP secara umumnya, dan fakulti secara khususnya. **Fakulti berusaha memenuhi iltizam UiTM untuk mengatasi risiko secara lebih proaktif, sistematik dan amanah bagi mencapai objektif universiti. Pengurusan risiko di nilai berdasarkan pencapaian petunjuk prestasi seperti di gambar rajah 4.32.**

Di dalam **menguruskan risiko**, beberapa elemen penting harus diketengahkan termasuklah:

1. Mengukuhkan proses dan amalan pengurusan risiko yang konsisten dan sistematik.
2. Menjalankan analisis dan semakan yang kerap terhadap setiap aktiviti.
3. Melibatkan warga fakulti secara aktif di dalam pengurusan risiko.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_A01_AB04_AC02_20221_FPP_Lampiran Pengukuran. Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.32.pdf](#)

4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tidak dapat dinafikan bahawasanya komitmen yang jitu dan berterusan oleh seluruh warga FPP di dalam pengurusan risiko ini amat penting bagi memastikan penambahbaikan adalah selari dengan visi, misi dan objektif fakulti serta universiti. Seluruh warga FPP sedia maklum bahawa faktor dalaman dan luaran turut sama mempengaruhi keseluruhan sistem pengurusan FPP khususnya dalam bidang P&P. **Perancangan dan pemantauan yang konsisten perlu dilakukan bagi mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan dengan lebih efektif dan efisien.**

Antara pengurusan risiko yang telah berjaya dilaksanakan oleh pihak FPP adalah:

1. Memastikan pencapaian PI pada suku waktu ketiga (Julai 2021 hingga September 2021) tercapai pada suku waktu keempat (Oktober 2021 hingga Disember 2021)
2. Mengadakan program *Training or Trainers (TOT)* bagi perkongsian cara Pengajaran dan Pembelajaran yang terbaik dan lebih berkesan kepada semua pensyarah bagi memantapkan lagi kualiti P&P (gambar rajah 4.33).
3. Mewajibkan pensyarah menjalankan soal selidik TESA pada setiap semester (gambar rajah 4.34).
4. Melibatkan pelajar di dalam program *Centre for Innovative Delivery & Learning Development (CIDL)* dengan menjemput wakil daripada industri yang berkaitan dengan mata pelajaran bagi memberikan input melalui sesi ceramah dan perkongsian maklumat.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_A01_AB04_AC03_20221_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.33.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB04_AC03_20222_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.34.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FPP telah menggariskan petunjuk prestasi (PI) sebagai kayu ukur kepada FPP untuk mencapai dua teras utama P&P iaitu Penampakan Pensyarah dan Penampakan Pelajar. Data-data daripada pengurusan kanan iaitu daripada HEA, HEP, PJI dan Unit Kualiti dianalisa sebagai kaedah pengukuran prestasi. Hasil daripada analisa setiap aspek menunjukkan fakulti dan kampus telah berjaya meningkatkan prestasi sebanyak 88% pada tahun 2021 berbanding 83.1% pada tahun 2020.

Penampakan pensyarah diukur melalui penglibatan pensyarah di dalam dan luar negara. Pensyarah telah dilantik sebagai pensyarah pelawat universiti, pemeriksa luar untuk penyelidikan pasca siswazah, pensyarah jemputan untuk memberi syarahan, kolaborasi penyelidikan bersama universiti luar negara, dan projek usaha sama bersama komuniti. Pengumpulan data adalah dengan menggunakan sistem pelaporan digital yang boleh diakses oleh pensyarah melalui system FBMS-H.R.I.S (gambar rajah 4.36). **Sistem ini adalah salah satu inisiatif dan inovasi daripada FPP di dalam proses pengumpulan dan penganalisan data-data aktiviti pensyarah di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Kaedah pemetaan menggunakan sistem ini nyata dapat memberikan hasil penampakan pensyarah FPP dan UiTM di persada antarabangsa.** Pensyarah yang terlibat perlu memohon dan mendapatkan kelulusan daripada Unit PJI fakulti bagi setiap aktiviti penyelidikan, perundingan, MOU dan MOA samada di peringkat bahagian dalam, luar, dan keseluruhan PTJ.

Sementara itu, bagi Penampakan Pelajar dalam aktiviti P&P, pelajar perlu memohon secara digital di dalam sistem FBMS-S.A.I.S. dengan mengemukakan Borang Permohonan Aktiviti Pelajar (contoh: C-HEP/PKP/09_Pindaan2019). Bagi proses analisis dan pengukuhan program terhadap pembangunan sendiri, pelajar harus merekodkan laporan penuh termasuk pencapaian kemenangan setelah tamat aktiviti melalui sistem yang sama. Semua aktiviti pelajar adalah menggunakan peruntukan kewangan Kumpulan Wang Pengurusan (Keraian Pelajar).

Selain itu, bagi menganalisa keputusan peperiksaan akhir dan juga kerja kursus pelajar, pihak fakulti menggunakan sistem eRES dan CDL-CQI di dalam sistem U-Future (gambar rajah 4.35). Keputusan pelajar dilihat dari segi pencapaian PLO individu, kumpulan dan keseluruhan program dan dianalisa selepas pengumuman keputusan peperiksaan akhir.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_A01_AB05_20221_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.35.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB05_20222_FPP_Lampiran Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_Gambar Rajah 4.36.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan P&P pada masa ini adalah kepada penyediaan program pengajaran yang berkualiti serta memenuhi kehendak pasaran industri dan pelanggan dengan fokus utama lebih tertumpu kepada peningkatan ketampakan pensyarah dan pelajar. Disamping itu, ia juga bertujuan meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan para pensyarah yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan serta meningkatkan kreativiti kakitangan sokongan melalui program pembangunan sumber manusia. Perancangan strategik ini juga dihasilkan bagi pembangunan kerjaya dan kepimpinan, meningkatkan integriti dan mewujudkan budaya organisasi yang cemerlang serta mengekalkan tenaga kerja terbaik melalui program pengiktirafan dan penghargaan.

Tahun 2021 telah menjadikan para pensyarah dan pelajar lebih dinamik dimana mereka mampu megadaptasi perubahan yang berlaku terhadap P&P kesan dari pandemik Covid-19 yang melanda negara dan seluruh dunia. Pengajaran secara *Hybrid* iaitu secara bersemuka dan atas talian telah mengubah paradigma pendidikan secara menyeluruh. Fakulti telah mengambil pendekatan drastik selaras dengan hala tuju universiti.

Bagi mencapai kecemerlangan akademik yang mampan, FPP telah menghasilkan Perancangan Strategik 2020-2025 bagi mewujudkan perancangan dan strategik yang komprehensif dan dinamik. Perancangan strategik 2020-2025 terbahagi kepada lima (5) fasa transformasi iaitu Fasa 1 (2020-2021), Fasa 2 (2021-2022), Fasa 3 (2022-2023), Fasa 4 (2023-2024) dan Fasa 5 (2024-2025).

Untuk menjayakan strategik bagi teras Pengajaran & Pembelajaran (P&P), penglibatan seluruh warga FPP adalah sangat dititikberatkan bagi memastikan sasaran yang dirangka tercapai berpandukan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan. Kaedah yang digunapakai bagi pengurusan sumber manusia serta menjayakan penyampaian perkhidmatan dalam bidang pencapaian akademik (P&P) adalah tertakluk kepada kekuatan/keupayaan dan kapasiti sumber manusia khususnya pensyarah dan pihak pentadbir amnya.

Bagi memastikan FPP sentiasa berdaya saing dalam aspek penyelidikan, pelbagai aktiviti yang mengeratkan perhubungan sumber manusia antara pengurusan tertinggi, pensyarah dan staf sokongan di FPP, latihan dan pendekatan yang dijalankan oleh pihak fakulti untuk memaksimumkan penglibatan staf.

Tambahan lagi, penglibatan dalam bidang penyelidikan dan khidmat masyarakat telah memperlihatkan pelbagai pencapaian peringkat dan perjanjian persefahaman (MoU/MoA) dengan pelbagai pihak telah dimeterai. Bagi memastikan kegemilangan fakulti di peringkat global, pelbagai program webinar dan mobiliti pensyarah dengan industri dan universiti dalam dan luar negara telah dijalankan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam mendukung usaha UiTM, FPP telah merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti yang melibatkan kakitangan akademik dan pentadbiran. Aktiviti-aktiviti ini meliputi pelbagai bidang dan diadakan secara *hybrid*. Bagi meningkatkan penglibatan staf, lantikan ahli jawatankuasa program turut dilaksanakan oleh fakulti. Dengan cara ini, konsep akauntabiliti dalam diri kakitangan terlibat dapat diwujudkan dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Dari sudut Hal Ehwal Akademik, pihak pengurusan FPP telah menyusun struktur pengurusan yang diketuai oleh Dekan, dan turut dibantu oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik (TD HEA), KPP, KK, dan Penyelaras Akademik. Hal ini dilakukan bagi meningkat mutu perkhidmatan dan memastikan pelaksanaan operasi, akademik dan kurikulum lancar. Pihak FPP turut melantik staf akademik bagi menggerakkan program strategik yang telah dirangka bagi mengoptimalkan kepakaran sebagai penasihat pelajar, penasihat program, pensyarah pengiring, penilai latihan industri dan penilai projek tahun akhir pelajar. Dalam memastikan P&P secara ODL dapat dijalankan dengan baik pensyarah dan pelajar telah didedahkan kepada pelbagai platform agar P&P dapat dijalankan dengan efektif.

Selain itu, pelbagai kaedah yang digunapakai bagi pengurusan sumber manusia serta menjayakan penyampaian perkhidmatan P&P yang tertakluk kepada kekuatan/keupayaan dan kapasiti sumber manusia seperti di gambar rajah 5.2. Aktiviti P&P diperhebatkan dengan kolaborasi di antara kakitangan akademik fakulti, alumni, dan pihak industri, melalui sesi perbincangan meja bulat (gambar rajah 5.2a) dan juga sesi bualbicara bersama rakan industri (gambar rajah 5.2b). Sesi-sesi sebegini akan dapat memperluaskan jaringan kerjasama bersama rakan industri di samping memperkasakan kurikulum yang sedia ada dengan pertukaran pendapat di kalangan ahli akademik dan rakan industri.

Secara tidak langsung, para pelajar dapat juga menerima manfaat apabila intipati bahan pengajaran terus dikemasikini selari dengan perkembangan semasa di peringkat industri sekaligus meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui sokongan rakan-rakan industri. **Inisiatif ini dijalankan berdasarkan kepada perancangan sistematik yang telah disediakan dengan dengan mengambil kira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan.**

Ketampakkan pensyarah FPP menyerlah dengan peningkatan dalam penerbitan. Jumlah geran yang diperolehi juga telah menyumbang kepada skor MyRA. Bilangan artikel yang diterbitkan adalah 186 bagi 2021 (Jadual 5.2a). Manakala jumlah geran yang diperolehi sehingga Oktober 2021 adalah sebanyak 50 geran dengan nilai dana berjumlah RM893,400.00. (gambar rajah 5.2c).

Dalam bidang perundingan, pensyarah FPP telah berjaya menerima 4 projek perundingan yang bernilai RM423,200.00 pada tahun 2021 (gambar rajah 5.2d). Penerimaan geran penyelidikan, perundingan dan penerbitan berimpak tinggi telah memacu FPP ke arah kecemerlangan dan berdaya saing dengan fakulti lain samada di peringkat nasional mahu pun antarabangsa. Bagi memanfaatkan kepakaran sumber manusia, PJI FPP telah mengadakan beberapa siri perkongsian penyelidikan, serta menerusi penerbitan makalah dalam jurnal.

[Penerbitan Makalah](#)

Bagi memastikan kegemilangan fakulti di peringkat global, pensyarah FPP telah disangkutkan di universiti luar negara. Pelbagai aktiviti webinar antarabangsa turut dianjurkan bagi meningkatkan ketampakan pensyarah FPP di mata dunia (gambar rajah 5.2e). Ini dapat dilihat melalui kejayaan MOOC yang telah dianjurkan oleh pihak fakulti dengan kerjasama ICEPS. FPP juga terlibat di dalam pertukaran pelajar melalui program *inbound* dan *outbound* (gambar rajah 5.2f) serta peningkatan kemahiran dari segi keusahawanan dengan kerjasama MASMED (lampiran 5.2). Program ini secara tidak langsung telah memberi nilai tambah kepada kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar FPP.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_S01_SB02_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.2, 5.2a, 5.2b.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB02_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Jadual 5.2a.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB02_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Jadual 5.2c, 5.2d, 5.2e.pdf](#)
4. [F0023_S01_SB02_20224_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Lampiran 5.2.pdf](#)
- 5.

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran sentiasa dikemaskini mengikut keperluan semasa, FPP turut mengambil tindakan proaktif dengan menubuhkan *Teaching and Learning Unit* (T&L) bagi memberi latihan tatacara pengendalian P&P atas talian serta memperkenalkan pelbagai aplikasi pilihan dalam penyampaian P&P secara interaktif dan berkesan. Aktiviti berterusan FPP dalam memastikan latihan sebegini diberikan kepada para pensyarah khususnya pensyarah muda adalah penting bagi memberikan hasil pengajaran yang berimpak dan berkualiti kepada para pelajar sejajar dengan salah satu teras pendidikan berkualiti iaitu menyediakan graduan yang dapat menyesuaikan diri dan berdaya saing dalam era Revolusi Industri (IR) 4.0 di peringkat global.

Dalam usaha memacu pembangunan professional kakitangan akademik dalam aktiviti P&P, pihak pengurusan FPP turut menitikberatkan kepentingan komunikasi secara terbuka di kalangan warga fakulti dalam melontarkan idea dan pandangan. FPP mengamalkan sistem pelapis dengan bimbingan di peringkat awal perkhidmatan. Program TOT yang diberi nama *Knowledge Café Session with Resource Person* (gambar rajah 5.3a) **merupakan salah satu usaha yang dilakukan oleh FPP bagi menyampaikan maklumat terkini dan bertukar pendapat berkenaan kaedah pemantapan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang diajar kepada para pensyarah yang berkaitan.**

Di samping itu juga, amalan pengkongsian ilmu dalam bidang pengajaran dan juga penyelidikan turut dibudayakan di dalam FPP melalui sesi perkongsian dari kakitangan fakulti seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah 5.3b. **Inisiatif ini dijalankan melibatkan seluruh pensyarah FPP dalam keseluruhan sistem UiTM bagi memastikan pensyarah dapat memberi perkhidmatan yang terbaik melalui P&P kepada pelajar.**

Walaupun di saat pandemik Covid-19 masih melanda negara, ini tidak menghalang FPP dari mengadakan program orientasi secara atas talian untuk meraikan pensyarah baharu yang menyertai FPP (gambar rajah 5.3c). Di samping memperkenalkan pensyarah baharu dengan barisan kepimpinan FPP, persekitaran dan budaya kerja di FPP, program orientasi ini juga diadakan bertujuan untuk berdiskusi dan menyampaikan maklumat berkenaan dengan tanggungjawab dan amanah setiap ahli akademik. Di samping itu juga, terdapat sebilangan pensyarah baharu yang berkelayakan turut dilantik oleh pihak pengurusan FPP sebagai pakar rujuk bagi membimbing dan berkongsi ilmu dengan pensyarah lain terutamanya pensyarah muda.

Penambahbaikan ruang-ruang makmal *simulation* dan *behavioural lab*, *Postgraduate Centre (DPPS)*, *SMART-Room* (ruang kuliah, bengkel & perbincangan) (gambar rajah 5.3d), penambahbaikan terhadap ruangan bilik kuliah supaya lebih kondusif telah dilakukan dan dimanfaatkan oleh pelajar dan juga staf.

Kemudahan--kemudahan yang telah disediakan itu adalah inisiatif dalam Perancangan Strategik 2020-2025. Selain itu, untuk mengekalkan kerelevanan kurikulum dan peningkatan kepakaran sumber manusia di FPP, beberapa inisiatif telah dilaksanakan. Antara usaha yang telah dijalankan adalah penubuhan Jawatankuasa Jaminan Kualiti yang dipengerusikan oleh Dekan menjalankan inisiatif-inisiatif bagi meningkatkan penampakan pensyarah di FPP. Antara inisiatif unit jaminan kualiti adalah dengan menubuhkan jawatankuasa seperti gambar rajah 5.3e.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_S01_SB03_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.3a.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB03_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar](#)

[Rajah 5.3b.pdf](#)

3. [F0023_S01_SB03_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.3c.pdf](#)

4. [F0023_S01_SB03_20224_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.3d.pdf](#)

5. [F0023_S01_SB03_20225_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.3e.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan Profesionalisma pensyarah atau lebih dikenali sebagai PRO-PENS secara atas talian telah dijalankan sekitar Jun-Julai 2021 dan seramai 86 orang pensyarah FPP yang telah dipilih untuk dipantau kualiti pengajaran mereka didalam kelas. Selain itu penilaian pensyarah turut diperolehi dari pelaporan CDL-CQI bagi menjamin kualiti P&P (gambar rajah 5.4.1 (1) & (2)). Maklumbalas dari pelanggan diberi perhatian melalui SUFO secara dalam talian bagi memantau P&P oleh pensyarah.

FPP mengambil pendekatan dinamik dalam pengurusan sumber manusia dalam membantu warga fakulti melakukan transformasi ke arah perkhidmatan yang cemerlang. Pelaksanaan bengkel dan ceramah dalaman di fakulti terutama yang berkaitan penyelidikan sedikit sebanyak membantu dalam usaha mencapai 42 jam latihan setahun bagi setiap individu (gambar rajah 5.4.1 (3)).

Unit Kualiti FPP juga telah menganjurkan Bengkel *Hands-On Course File Information System (CFIS)* CFIS 2.0 2021 bagi memastikan pensyarah dapat menyusun fail pembelajaran dengan lebih teratur. Seterusnya, bagi memastikan tindakan para pensyarah, Unit Kualiti FPP telah menjalankan audit *Course File Information System (CFIS)* (gambar rajah 5.4.1 (4)).

Merujuk kepada tindakan pengurusan terhadap maklumbalas sumber manusia secara lazimnya bagi sesebuah organisasi yang mengamalkan sistem pengurusan yang telus, adil dan berkualiti, setiap maklumbalas sumber manusia akan diambil tindakan seberapa segera dan setiap komen atau cadangan yang diberikan akan dibincangkan dengan teliti di peringkat pengurusan fakulti sebelum sebarang tindakan dilaksanakan. Maklumbalas ini dibentangkan di dalam mesyuarat eksekutif fakulti yang diadakan setiap enam bulan. Mesyuarat bersidang akan menghuraikan tindakan yang diambil dan mengkaji keberkesannya di aduan melalui data atau maklumbalas yang diterima.

FPP juga memantau jumlah denominator berpotensi (DP) melalui system RIIS. Pencapaian pensyarah juga dipantau melalui pencapaian skor MyRA dan pencapaian PI setiap bulan melalui pelaporan dan pembentangan dari Timbalan Dekan PJI dan ketua prancang strategik FPP dalam mesyuarat eksekutif fakulti. Contoh pelaporan hasil adalah seperti Gambarajah (gambar rajah 5.4.1 (5)). Laporan lengkap tentang hasil pemantauan dilampirkan di lampiran 5.4.1. **Hasil pemantauan ini akan digunakan untuk mengkaji semula sistem pengurusan di fakulti.**

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_S01_SB04_SC01_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.4.1.1, 5.4.1.2.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB04_SC01_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.4.1.3, 5.4.1.4, 5.4.1.5.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB04_SC01_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Lampiran 5.4.1.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pemantauan kuliah melalui Jawatankuasa PRO-PENS dapat dijalankan mengikut jadual. Aktiviti pemantauan kelas dijalankan secara dalam talian. Tumpuan khusus diberikan kepada peningkatan kemahiran teknologi maklumat bagi menjamin keberkesanan aktiviti P&P dan pengendalian peperiksaan yang dijalankan secara maya.

Dalam memastikan mutu dan kualiti P&P, FPP telah menetapkan garis panduan pentaksiran dan penilaian akhir sejajar dengan arahan BHEA universiti. Sebahagian kod subjek telah mula menggunakan sistem QBS untuk muat naik soalan mengikut JSU yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, terdapat risiko ketidakstabilan sistem QBS kerana sistem ini masih baru dan masih ada dikalangan pensyarah yang masih kurang jelas mengenai tatacara memuatnaik soalan didalam sistem ini (gambar rajah 5.4.2.1).

Penyediaan lebih dari 2 set kertas soalan menunjukkan bahawa Unit Peperiksaan FPP bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan masalah yang timbul semasa peperiksaan dijalankan seperti ketidakstabilan internet yang dihadapi oleh pelajar semasa menjawab soalan. Risiko- risiko yang telah dikenalpasti akan digunakan untuk merancang tindakan pencegahan yang bersesuaian.

Selain itu, satu sistem telah dibangunkan sebagai one stop centre bagi menyokong dan memudahkan pengoperasian akademik, staf serta pelajar serta mengukur kompetensi. Sistem ini di bangunkan oleh staf fakulti pada tahun 2017 dan hingga sekarang terdapat enam (6) informasi sistem yang di guna pakai oleh pelbagai unit di FPP seperti HEP, HEA, Penyelidikan dan Pentadbiran. Enam informasi sistem ini adalah HRIS (*Human Resource Information System*), RIIS (*Research, Innovation, Industry & Community Information System*), CFIS (*Course File Information System*), STIS (*Student Industrial Training Information System*), SAIS (*Student Activities Information System*) dan ETIS (*E-Certificate Training Information System*). Antara objektif sistem integrasi ini adalah untuk memudahkan fakulti menjejaki dan mengemaskini segala bentuk latihan dan aktiviti staf dan pelajar, di samping melakukan perancangan strategik fakulti. Antara risiko yang dikenalpasti adalah tahap penggunaan dan yang masih rendah di kalangan staf dan pelajar (gambar rajah 5.4.2.2). Penerangan lanjut tentang risiko pengurusan sumber manusia FPP serta tindakan pengurusan risiko di lampirkan di lampiran 5.4.2.

Risiko- risiko yang telah dikenalpasti akan digunakan untuk merancang tindakan pencegahan yang bersesuaian bagi memantapkan aktiviti P&P FPP.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_S01_SB04_SC02_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.4.2.1.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB04_SC02_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.4.2.2.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB04_SC02_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Lampiran 5.4.2.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan peningkatan mutu P&P, pensyarah perlu menghadiri bengkel pengajaran yang menggunakan pelbagai kaedah pengajaran atas talian. Antara contoh latihan yang dijalankan termasuklah *Supervision for Master by coursework*, taklimat latihan industri serta taklimat pengecualian kredit melalui *system Student Information Management System -SIMS* (gambar rajah 5.4.3.1) .

Research Focus Group (RFG) juga diwujudkan untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan dikalangan warga Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) dan mempertingkatkan ketampakan penyelidik FPP diperingkat tempatan dan antarabangsa melalui penubuhan kumpulan penyelidikan berskala kecil. RFG ini juga menggabungkan penyelidik FPP dari pelbagai peringkat dalam satu kumpulan bagi mencapai Indeks Prestasi Utama (KPI) penyelidikan dan seterusnya, membantu mempertingkatkan skor MYRA dan SETARA fakulti. Satu (1) kumpulan entiti kecemerlangan juga berjaya dihasilkan (gambar rajah 5.4.3.2a) dan pembentukan program mentor-mantee, kumpulan entiti kecemerlangan (gambar rajah 5.4.3.2b) .

Fakulti juga meningkatkan inovasi pengurusan sumber manusia melalui penganjuran beberapa pertandingan diperingkat dalam negara seperti *Virtual Innovation & Invention of Ideas Competition (VIIC)* dan *National Pitching Research Competition (NPRC)* (gambar rajah 5.4.3.3).

Bagi memastikan program yang ditawarkan kekal relevan, kandungan setiap program yang ditawarkan sentiasa dikemaskini mengikut garis panduan yang ditetapkan MQA. Setiap program akan diwakili seorang ketua semakan kurikulum dan mereka perlu menjalani beberapa proses penyediaan kurikulum yang baru seperti permurniaan program, *roundtable discussion* (RTD) bersama pihak berkepentingan serta perbincangan bersama pakar rujuk (gambar rajah 5.4.3.4). Kolaborasi juga telah di adakan dengan pihak industri bagi memastikan jalinan pelajar dengan industri senantiasa wujud walaupun atas talian (gambar rajah 5.4d).

FPP mengambil pendekatan dinamik dalam penambahbaikan pengurusan sumber manusia dalam membantu warga fakulti melakukan transformasi ke arah perkhidmatan yang cemerlang. Ini dijalankan melalui pengurusan prestasi, pengiktirafan dan ganjaran dalam pengurusan sumber manusia telah dilaksanakan untuk memotivasikan warga fakulti. Antara penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan FPP kepada sumber manusia seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan majlis apresiasi *Jewel in the Crown* (gambar rajah 5.4e). FPP juga memberi ucapan penghargaan melalui website fakulti, emel serta medium seperti whatsapp/telegram bagi setiap kejayaan yang dicapai oleh setiap staf FPP. **FPP juga memberi ucapan penghargaan melalui website fakulti, emel serta medium seperti whatsapp/telegram bagi setiap kejayaan yang dicapai oleh setiap staf FPP.**

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_S01_SB04_SC03_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.4.3.1.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB04_SC03_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.4.3.2a, 5.4.3.2b.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB04_SC03_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.4.3.3.pdf](#)
4. [F0023_S01_SB04_SC03_20224_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.4.3.4.pdf](#)

~~.....~~
[Manusia_Gambar Rajah 5.4d. 5.4e.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi memastikan kemampuhan FPP, aplikasi seperti whatsapp, telegram, *google classroom*, *zoom*, *google meet*, *U-future*, dan juga *youtube* telah di mobilisasi penggunaannya secara optimum bagi membantu P&P yang lebih efektif dan berdaya saing (gambar rajah 5.5.1)

Bagi memastikan pensyarah terus aktif dalam penyelidikan, penulisan, perundingan serta penerbitan, Unit Penyelidikan sentiasa mengadakan ruang kaunseling penyelidikan kepada mereka yang memerlukan. Unit Penyelidikan dan Inovasi (RENOVA) akan menghantar poster hari menulis pada setiap hari jumaat bagi menyuntik semangat penulisan bagi setiap pensyarah (gambar rajah 5.5.2). Selain itu, *Research Focus Group (RFG)* juga di tubuhkan bagi membudayakan aktiviti penulisan dan penyelidikan dalam FPP (gambar rajah 5.5.6). Pelbagai webinar dan bengkel di adakan bagi memenuhi aspirasi FPP untuk terus cemerlang penyelidikan dan penerbitan (gambarajah 5.5.3). Inisiatif-inisiatif ini diperluaskan di peringkat PTJ FPP seluruh Malaysia dengan penglibatan pensyarah dan pelajar FPP.

FPP mengambil pendekatan dinamik dalam penambahbaikan pengurusan sumber manusia dalam membantu warga fakulti melakukan transformasi ke arah perkhidmatan yang cemerlang. Ini dijalankan melalui pengurusan prestasi, pengiktirafan dan ganjaran dalam pengurusan sumber manusia telah dilaksanakan untuk memotivasikan warga fakulti.

Antara penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan FPP kepada sumber manusia seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), dan majlis apresiasi *Jewel in the Crown*. FPP juga memberi ucapan penghargaan melalui website fakulti, emel serta medium seperti whatsapp/telegram bagi setiap kejayaan yang dicapai oleh setiap staf FPP. FPP juga memberi ucapan penghargaan melalui website fakulti, emel serta medium seperti whatsapp/telegram bagi setiap kejayaan yang dicapai oleh setiap staf FPP (gambar rajah 5.5.4). Bagi menjamin kelestarian pencapaian melalui objektif dan inisiatif tumpuan sumber manusia, fakulti telah mengambil beberapa inisiatif dengan melihat kepada tindakan pengurusan terhadap maklumbalas sumber manusia.

Keseluruhan staf akademik disediakan dengan kelengkapan asas seperti bilik, telefon, komputer, pencetak dan peti-surat. Mereka yang memegang jawatan pentadbiran diberikan kemudahan parkir dan talian telefon, webinar, *whatsapp page*. Sistem *mentor-mentee*, tenaga pengajar muda, *team teaching*, *orientation for new lecturers*, T&L unit (2021) (gambar rajah 5.5.5). **Inisiatif-inisiatif ini diperluaskan di peringkat PTJ FPP seluruh Malaysia dengan penglibatan pensyarah dan pelajar FPP.**

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_S01_SB05_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.5.1, 5.5.2.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB05_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.5.3.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB05_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.5.4.pdf](#)
4. [F0023_S01_SB05_20224_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.5.5.pdf](#)
5. [F0023_S01_SB05_20225_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Sumber Manusia_Gambar Rajah 5.5.6.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan kepada operasi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bermatlamat untuk mencapai kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan sistem kerja yang berkaitan dengan pentadbiran dan akademik selaras dengan objektif strategik FPP yang telah dirangka dalam Pelan Perancangan Strategik Fakulti 2020-2025. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan sistem penyampaian P&P yang *engaging* serta *inclusive* bagi membolehkan FPP mencapai tahap prestasi yang lestari serta kecemerlangan global selari dengan objektif UiTM untuk mencapai tahap kecemerlangan global dengan tumpuan kepada operasi P&P.

Empat (4) objektif Strategik (OS) dan inisiatif tumpuan P&P, FPP. Fungsi FPP sebagai pusat perkembangan akademik pengajian tinggi adalah untuk menghasilkan program diploma, sarjana muda dan pasca siswazah yang dinamik dan menepati kehendak pasaran, di samping menambah nilai dan meningkatkan kualiti program akademik (P). Ianya berorientasikan pengetahuan dan pengalaman yang menasaskan pelajar serta staf akademik FPP.

Penglibatan pihak berkepentingan seperti industri, alumni, badan profesional serta institusi akreditasi amat penting dalam memberi input terkini berkaitan industri. Ini bagi memastikan FPP sentiasa menawarkan program akademik yang berkualiti serta memenuhi kehendak pasaran. Peluang berkolaborasi bersama pihak berkepentingan juga dimanfaatkan melalui MoA/MoU.

Dalam memaksimumkan keberhasilan graduan serta program akademik yang berkualiti, FPP telah memperkasakan Jawatankuasa *Teaching & Learning* bagi memastikan staf akademik sentiasa dilengkapi dengan latihan berkaitan teknologi, kaedah P&P yang terkini dan kaedah P&P yang diselaraskan untuk penyampaian ODL (D).

FPP sentiasa membudayakan amalan penambahbaikan kualiti secara berterusan (CQI) dengan menyemak pencapaian pelajar serta program akademik melalui CDL-CQI, memantau sistem penyampaian P&P pensyarah melalui PRO-PENS dan TESA (C). FPP juga mengambil berat semua aduan serta maklumbalas yang diperolehi daripada pelajar serta staf untuk tujuan penambahbaikan operasi P&P serta peningkatan kualiti program melalui semakan kurikulum berkala (A).

Objektif strategik FPP yang kedua ialah mempersiapkan bakal graduan dengan kemahiran berfikir secara kritis (P). Operasi sistem penyampaian P&P diperkasakan dengan inisiatif yang bertumpuan kepada pendedahan dan pengalaman industri, komuniti di peringkat lokal dan antarabangsa dengan menasaskan pelajar disamping keterlibatan pengajar dalam program *Community Engagement (CE)* (D). Setiap program yang dijalankan dirancang rapi agar sejajar dengan KPI dan matlamat universiti, fakulti dan maklumbalas selepas program diambilkira (C) untuk memastikan kelancaran pengelolaan program di masa hadapan (A).

Objektif strategik FPP yang ketiga iaitu meningkatkan mobiliti pelajar (P), FPP sentiasa menggalakkan pelajar mencari dan merebut peluang melalui program *ASEAN International Mobility for Students (AIMS)* serta program *outbound* ke luar negara (D). Jumlah kolaborasi, rekod pencapaian dan peringkat pencapaian sentiasa dipantau agar prestasi dan peluang untuk pendedahan dapat diteruskan (C). Staf fakulti sentiasa peka terhadap perancangan dan pelaksanaan anjuran *Department of International Affairs* agar dapat mewujudkan peluang yang sewajarnya diperingkat fakulti (A).

Objektif strategik FPP yang keempat iaitu meningkatkan penampakan staf akademik diperingkat kebangsaan dan antarabangsa (P), FPP sentiasa menggalakkan program (D) seperti mewujudkan MOOC, penerapan nilai dan budaya keusahawanan (MASMED), program mobiliti, sangkutan industri, jalinan kerjasama MoU/MoA dan program yang meningkatkan aktiviti khidmat masyarakat. Jumlah kolaborasi, rekod pencapaian dan peringkat pencapaian sentiasa dipantau agar prestasi dan peluang untuk pendedahan dapat diteruskan (C). Staf fakulti sentiasa peka terhadap perancangan dan pelaksanaan program anjuran FPP agar dapat

mewujudkan peluang yang sewajarnya diperingkat fakulti (A).

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan tumpuan kepada operasi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di FPP bersifat *engaging* serta *inclusive* demi mencapai **kecemerlangan global dengan mengambilkira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan. Bagi memastikan ini dapat dicapai, semua inisiatif strategik telah dipacu oleh proses-proses utama berdasarkan perancangan strategik yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti yang mensasarkan kepada kecemerlangan global**(gambar rajah 6.2a).

Berikut adalah pendekatan yang digunakan untuk mencapai kecemerlangan global dengan tumpuan kepada operasi P&P:

(A) Program Akademik Berkualiti dan Dinamik

Dalam menghasilkan program diploma, sarjana muda dan pasca siswazah yang dinamik serta menepati kehendak pasaran, FPP komited dalam pelaksanaan prosedur semakan program akademik UiTM (A1). Prosedur ini adalah langkah *standard* tetapi signifikan, dilakukan secara berkala untuk meningkatkan mutu program akademik FPP (gambar rajah 6.2b).

Proses akreditasi (A2) membolehkan program universiti memperoleh pengiktirafan antarabangsa dan *benchmarking* agar program akademik kekal relevan. Inisiatif akreditasi menjadi sasaran berterusan FPP memenuhi keperluan dan standard kualiti pendidikan (gambar rajah 6.2b1).

Proses CDL-CQI (A3) menunjukkan usaha penambahbaikan kualiti secara berterusan ke atas program akademik dapat meningkatkan dan menjamin mutu program yang lestari. Setiap program dan kursus melaksanakan proses ini setiap semester bagi memantau pencapaian kursus serta program akademik secara keseluruhannya. (Lampiran 6.2b).

(B) Pensyarah

Selaras dengan objektif kecemerlangan global, pensyarah digalakkan untuk menganggotai badan profesional (B1) organisasi tempatan dan antarabangsa. Pendekatan ini dapat meluaskan serta membudayakan pengembangan pengetahuan akademik pensyarah dan kemajuan kerjaya mereka (lampiran 6.2c) (gambar rajah 6.2b2).

Selain itu, pendekatan ke institusi dalam dan luar samada berasaskan akademik atau industri turut dilaksanakan di FPP. Pendekatan mobiliti (B2) pensyarah dapat meningkatkan insaniah dan membentuk pensyarah yang kompeten dan cemerlang hasil daripada pengkayaan dan pengalaman budaya pembelajaran (lampiran 6.2c1) (gambar rajah 6.2b3).

Memorandum persefahaman (MoU) serta memorandum perjanjian (MoA) (B3) turut dilaksanakan oleh FPP demi mencapai kecemerlangan global. Melalui MoU dan MoA, pelbagai aktiviti dapat dilaksanakan bersama rakan strategik dari dalam mahupun luar negara (lampiran 6.2c2) (gambar rajah 6.2b4).

Pendekatan sistem *Teaching Effectiveness Index* (TEX- SuFo, TESA dan PRO-PENS) (B4) sebagai mekanisma penilaian pengajaran secara 360° ataupun tiga penjurukan untuk memastikan tahap profesionalisme staf akademik berada ditahap yang optimum (gambar rajah 6.2b5).

Pendekatan yang berikutnya ialah pelaksanaan latihan P&P (B5) dimana latihan minimum setahun sebanyak 42 jam dijalankan agar tenaga pengajar terus mengembangkan pengetahuan dan peningkatkan skil (lampiran 6.2c4) (gambar rajah 6.2b6).

(C) Pelajar

Selaras dengan objektif kecemerlangan global, pelajar digalakkan untuk menyertai program mobiliti pelajar (C1) ke luar negara secara fizikal dan atas talian untuk meningkatkan kemahiran insaniah dan membentuk pelajar yang cemerlang hasil daripada pengkayaan dan pengalaman budaya pembelajaran (lampiran 6.2d).

Selain itu, pendekatan yang mempersiapkan bakal graduan dengan kemahiran berfikir secara kritis ialah *Community Engagement* (C2). Pendekatan ini melibatkan pelajar FPP serta komuniti dalaman dan luaran, agar FPP terlibat dalam aktiviti sosial yang menyokong matlamat universiti dan pembentukan pelajar yang peduli (gambar rajah 6.2d1).

FPP turut menggunakan pendekatan program bersama industri iaitu *CEO@Faculty Program* (C3) dimana pengamal industri dijemput untuk berkongsi pengalaman dengan pelajar. Program ini dapat memberi pendedahan kepada pelajar terhadap industri (lampiran 6.2d2) (gambar rajah 6.2d2).

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_O01_OB02_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Gambar Rajah 6.2a, 6.2b.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB02_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Lampiran 6.2b, Lampiran 6.2c dan Gambar rajah 6.2b1, Gambar Rajah 6.2b2.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB02_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Lampiran 6.2c1, Lampiran 6.2c2 dan Gambar rajah 6.2b3, Gambar rajah 6.2b4.pdf](#)
4. [F0023_O01_OB02_20224_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Lampiran 6.2c4 dan Gambar rajah 6.2b5, Gambar rajah 6.2b6.pdf](#)
5. [F0023_O01_OB02_20225_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Lampiran 6.2d, Lampiran 6.2d2 dan Gambar rajah 6.2d1, Gambar rajah 6.2d2.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

(A) Program Akademik Berkualiti dan Dinamik

Pendekatan PDCA (jadual 6.3a) diterapkan dalam inisiatif CDL-CQI bermula dengan perancangan proses penilaian dan pentaksiran oleh pakar rujuk (RP) dan pensyarah secara berterusan. Semua pensyarah perlu merekod dokumen P&P setiap kursus dalam *Course File Information System (CFIS)*. Bengkel CFIS diadakan sebagai **langkah perluasan maklumat berkenaan sistem** (gambar rajah 6.3) (lampiran 6.3). Melalui Prosedur Semakan Program Akademik, FPP telah menjalankan semakan kurikulum setiap tiga - lima tahun. Jawatankuasa semakan kurikulum menerap proses penting seperti konsultasi bersama pihak industri dan para alumni di jalankan bagi memastikan keperluan mereka diambil kira. Keperluan program dianalisa dan diterjemahkan dalam pembangunan kurikulum dan silibus yang dibentangkan pada peringkat Jawatankuasa Kurikulum Fakulti sebelum ke peringkat UiTM dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Pengiktirafan badan profesional seperti *Chartered Management Institute (CMI) UK*, *The Chartered Institute of Logistics and Transport UK*, *Financial Accreditation Agency (FAA)*, dan lain-lain telah meluaskan *visibility* program dan pensyarah FPP (gambar rajah 6.3b). Fakulti juga perlu memastikan bahawa kurikulum yang di bangunkan melalui proses kelulusan badan profesional melalui inisiatif akreditasi. Beberapa siri konsultasi dan jaringan bersama badan profesional dijalankan dari masa ke semasa bagi pemetaan program bagi memastikan advokasi, pembelajaran berterusan dan pembangunan profesional di FPP.

(B) Penampakan Pensyarah

Pelaksanaan *Teaching Effectiveness Index (TEX)* memerlukan pelaksanaan *PRO-PENS*, *TESA* dan *SuFO*. Melalui *PRO-PENS*, jawatankuasa pemantauan profesionalisma pensyarah *PRO-PENS* bersidang untuk menetapkan kaedah pelaksanaan FPP diikuti dengan persampelan pensyarah yang akan dipantau (gambar rajah 6.3c). Data penilaian di analisa dan kemudiannya laporan dapatan disahkan di JAF setiap semester. Maklumbalas diberi kepada pensyarah untuk penambahbaikan latihan yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi P&P. *TESA* pula mempraktikkan penilaian sendiri untuk membuat refleksi kekuatan dan kekurangan sendiri. Sementara itu, *SuFO* mengambil kira maklumbalas daripada pelajar. Proses ini diterapkan di peringkat UiTM (gambar rajah 6.3d).

Pembangunan profesional untuk tenaga pengajar melalui Keahlian Badan Professional (gambar rajah 6.3e) dan Mobiliti staf ke institusi luar negara dan institusi bukan universiti tempatan turut ditekankan oleh FPP dan pelawaan program Mobiliti Staf dikongsi dan diiklankan kepada staf (gambar rajah 6.3f). Perluasan perkongsian ilmu kepada komuniti juga ditekankan dalam FPP. Pensyarah FPP terlibat dalam membantu komuniti termasuk golongan B40. (gambar rajah 6.3g)

(C) Penampakan Pelajar

Pelaksanaan program *Community Engagement* dijalankan dengan melibatkan staf dan pelajar. Selain itu, pelajar juga menggunakan sistem SAIS untuk permohonan program (gambar rajah 6.3h). Melalui proses ini, pihak penganjur dapat meluaskan capaian permohonan aktiviti di FPP.

Program Mobiliti Pelajar dilakukan menerusi beberapa kaedah iaitu melalui kolaborasi, kerjasama industri dan universiti terlibat dan lawatan akademik dan war-warkan kepada warga FPP melalui KPP dan KK, *poster*, *website* FPP, *telegram*, *facebook* dan *instagram* (gambar rajah 6.3k). Usaha penambahbaikan turut dijalankan hasil daripada dapatan yang diperolehi melalui pemantauan yang dilakukan.

Untuk *CEO@Faculty Programme* pula, program ini juga dirancang dengan rapi dan

menggunakan pendekatan yang serupa, sejajar dengan prosedur Kementerian Pengajian Tinggi (gambar rajah 6.3i). Pelaksanaan Program Mobiliti Pelajar dikelolakan melalui kerjasama *Department of International Affairs (DIA)*, program bersama universiti luar dikenalpasti dan dipromosikan kepada pelajar FPP (gambar rajah 6.3j).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_O01_OB03_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Jadual 6.3a.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB03_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Lampiran 6.3 dan Gambar rajah 6.3. Gambar rajah 6.3b.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB03_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Gambar rajah 6.3c, 6.3d, 6.3e, 6.3f, 6.3g.pdf](#)
4. [F0023_O01_OB03_20224_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Gambar rajah 6.3h, 6.3i, 6.3j, 6.3k.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Inisiatif berkaitan objektif strategik FPP perlu memberikan hasil yang diselaraskan dengan petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). **Pemantauan dijalankan bagi memastikan setiap projek mencapai sasaran yang ditetapkan. Semua hasil pemantauan digunakan untuk mengkaji semula sistem pengurusan di fakulti.**

(A) Program Akademik Berkualiti dan Dinamik

Pemantauan berterusan dijalankan oleh Jawatankuasa CFIS-FPP dan penghargaan diberikan kepada pensyarah yang melengkapkan pelaporan (gambar rajah 6.3a). Melalui proses ini, pelbagai isu berkaitan penilaian dan pentaksiran program dapat ditangani.

Inisiatif *TEX (PRO-PENS, TESA dan SUFO)*, *CDL-CQI* dan semakan kurikulum dijalankan secara berkala, dipantau dan dilaporkan di Mesyuarat JAF. Laporan semakan kurikulum akan disemak oleh KPP, jawatankuasa NOBLE sebelum di bawa ke Jawatankuasa Kurikulum Fakulti untuk kelulusan (bukti 6.4.1b).

Melalui sistem akreditasi, fakulti tertakluk kepada sistem audit berkala dari badan profesional mengikut *standard* yang ditetapkan. Fakulti perlu memastikan sistem penilaian melalui proses moderasi yang ditetapkan oleh badan profesional. Fakulti juga perlu memastikan syarat kelayakan akreditasi dipenuhi dari masa ke semasa bagi membolehkan sijil kelayakan diperbaharui (bukti 6.4.1a). Indeks Daya Saing Program dan Data Enrolmen menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan (lampiran 6.4).

(B) Pensyarah

Maklumat keahlian badan professional juga dikumpul secara berkala dan dilaporkan untuk skor MyRA. Program dan bilangan staf yang mengikuti program Program mobiliti, *Community Engagement*, *CEO@ Faculty*, *MoU/MoA* juga dipantau dan dilaporkan di peringkat fakulti (bukti 6.4.1b) untuk mencapai PI (bukti 6.4.1c).

(C) Pelajar

Pelaksanaan *Community Engagement* dijalankan melibatkan staf dan pelajar. Laporan akhir perlu dihantar kepada TDPJI@ICAN melalui sistem SMART (lampiran 6.4a) bagi tujuan pemantauan pencapaian objektif program. Selain itu, pelajar juga menggunakan sistem SAIS untuk pelaporan akhir aktiviti bersama masyarakat (gambar rajah 6.3h). Melalui proses ini, pihak penganjur dapat meluaskan capaian permohonan aktiviti di FPP.

Pemantauan Program Mobiliti Pelajar dilakukan menerusi beberapa kaedah iaitu melalui laporan pencapaian jumlah kolaborasi dan lawatan akademik melalui sistem SMART (lampiran 6.4a) (lampiran 6.4.3d). Usaha penambahbaikan turut dijalankan hasil daripada dapatan yang diperolehi melalui pemantauan yang dilakukan.

Pelaksanaan Program Mobiliti Pelajar dipantau melalui pencapaian PI dan dilaporkan oleh unit ICAN bagi memastikan objektif penampakan pelajar FPP di mata dunia tercapai (gambar rajah 6.3j).

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_O01_OB04_OC01_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Gambar rajah 6.3a.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB04_OC01_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Lampiran 6.4.pdf](#)

3. [F0023_O01_OB04_OC01_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Bukti 6.4.1a.,
Bukti 6.4.1b, Bukti 6.4.1c.pdf](#)
4. [F0023_O01_OB04_OC01_20224_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Lampiran
6.4a, Lampiran 6.4.3d.pdf](#)
5. [F0023_O01_OB04_OC01_20225_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Gambar rajah
6.3h, 6.3j.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FPP telah mengenalpasti empat risiko di dalam proses utama yang menyokong objektif strategik dan inisiatif strategik iaitu:

- 1) proses melibatkan penghasilan program akademik yang dinamik;
- 2) proses melibatkan program bersama industri dan komuniti;
- 3) proses melibatkan program mobiliti pelajar.

Risiko-risiko ini akan diambilkira bagi merancang tindakan pencegahan yang bersesuaian bagi menghasilkan output yang optimum dalam proses P&P di fakulti.

Risiko limitasi kemahiran P&P staf akademik wujud disebabkan perubahan dalam landskap P&P yang dinamik (gambar rajah 6.4.2a). P&P secara ODL menyebabkan kekangan penyampaian yang lebih berkesan. Bagi mengatasi cabaran ini, FPP sentiasa memainkan peranan dalam memastikan staf akademik mendapat maklumat latihan bersesuaian bagi memastikan sistem penyampaian P&P dapat dilaksanakan dengan berkesan .

Risiko peruntukan bajet aktiviti pelajar yang terhad menghadkan aktiviti (gambar rajah 6.4.2b). Antara tindakan pencegahan yang telah digariskan adalah penganjuran aktiviti pelajar secara kerjasama, dan usaha staf FPP untuk memupuk hubungan baik bersama rakan industri dan komuniti untuk menjamin keberhasilan program.

Seterusnya risiko kewangan disebabkan oleh peruntukan bajet program mobiliti yang terhad. Risiko-risiko ini menyebabkan kesukaran menghantar pelajar ke program mobiliti. FPP telah merancang pelan tindakan pencegahan bagi memastikan risiko yang terlibat ini dapat dikurangkan. Bagi proses utama yang melibatkan usaha-usaha P&P, program mobiliti, dan program bersama industri dan komuniti, risiko yang dihadapi adalah kekangan untuk menjalankan program secara bersemuka disebabkan oleh pendamik (gambar rajah 6.4.2a). Oleh itu program-program fakulti diubahsuai secara dalam talian dengan mengambil kira SOP Sektor Pendidikan agar keselamatan dapat dipelihara.

FPP telah merancang pelan tindakan pencegahan bagi memastikan risiko yang terlibat ini dapat dihapuskan atau dikurangkan. Antara tindakan pencegahan untuk penampakan pengajar adalah latihan peningkatan kemahiran dan pengetahuan kepada staf akademik. Tambahan pula, FPP juga turut bertindak untuk mengatasi bencana alam (banjir di Selangor) yang menjejaskan pelajar dan juga staf melalui tindakan pantas pemberian bantuan dan polisi yang sesuai agar mangsa banjir dapat pulih daripada banjir. Sementara itu, pengajaran secara atas talian dan SOP tetap dipatuhi untuk membolehkan FPP untuk terus maju (gambar rajah 6.4.2a).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_O01_OB04_OC02_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Gambar rajah 6.4.2a.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB04_OC02_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Gambar rajah 6.4.2b.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Memandangkan landskap P&P yang semakin dinamik dan sering menuntut staf akademik untuk sentiasa peka dalam meningkatkan kemahiran P&P mereka, FPP sentiasa cakna terhadap kepentingan dalam memastikan staf akademik mendapat maklumat serta latihan yang terkini dan bersesuaian. Oleh yang demikian, FPP telah mewujudkan *Teaching and Learning Unit* yang bertanggungjawab dalam merancang dan menawarkan program latihan yang serba terkini bagi memastikan sistem penyampaian P&P dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan (lampiran 6.4.3a).

Usaha CDL-CQI dikoordinasi oleh Jawatankuasa NOBLE dan dibantu oleh Pentadbir Akademik sebagai sekretariat yang menganalisa pencapaian kualiti program akademik di fakulti. Rekod, laporan dan data daripada pelajar dan pengajar dikaji setiap semester. Jawatankuasa NOBLE bertindak untuk menganalisa rumusan dan data yang diterima, membincangkan isu-isu program, mengenalpasti punca, mencari penyelesaian dan membuat perancangan tindakan susulan (lampiran 6.4.3b).

Seterusnya ialah risiko kewangan disebabkan oleh peruntukan bajet program mobiliti yang terhad. Risiko-risiko ini menyebabkan kesukaran menghantar pelajar ke program mobiliti. FPP telah merancang pelan tindakan pencegahan bagi memastikan risiko yang terlibat ini dapat dihapuskan atau dikurangkan. Antara tindakan pencegahan yang telah digariskan adalah latihan peningkatan kemahiran dan pengetahuan kepada staf akademik, penganjuran aktiviti pelajar secara kerjasama menggunakan alternatif yang menjimatkan belanja seperti platform dalam talian, dan promosi program mobiliti kepada pelajar (gambar rajah 6.4.3a).

Setiap tahun, acara yang dijalankan di bawah *Community Engagement* dan *CEO@Faculty Programme* melibatkan komuniti dan individu yang berbeza-beza. Oleh yang demikian, maklumbalas diperolehi apabila acara-acara ini berlangsung dan daripada komuniti dan individu yang terlibat di dalam inisiatif ini. Maklumbalas ini kemudiannya diterapkan sebagai intipati untuk penambahbaikan dalam pelaporan di sistem FBM-SAIS yang akan diteliti oleh TDHEP dan unit ICAN untuk mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan (gambar rajah 6.4.3b).

Program mobiliti pelajar melibatkan pelajar *inbound* dan juga *outbound* yang diambil maklum oleh pihak fakulti untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk keberhasilan program mobiliti pelajar. **Hasil penganalisan dikongsi bersama warga jabatan melalui aktiviti penambahbaikan yang diperluaskan kepada semua pihak berkepentingan oleh KPP, Ketua Unit Kualiti dan Timbalan Dekan Akademik** (gambar rajah 6.4.2a, gambar rajah 6.3j) (Lampiran 6.4.3d). **Dengan usaha ini, jawatankuasa ini bertindak sebagai penyelaras utama yang komited terhadap peningkatan berterusan dan kemajuan program akademik di fakulti.**

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_O01_OB04_OC03_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Lampiran 6.4.3a, Lampiran 6.4.3b.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB04_OC03_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Gambar rajah 6.4.3a, Gambar rajah 6.4.3b.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB04_OC03_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Gambar rajah 6.4.2a, Gambar rajah 6.3j.pdf](#)
4. [F0023_O01_OB04_OC03_20224_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Lampiran 6.4.3d.pdf](#)
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Peranan teknologi dan sistem automasi dalam pelaksanaan pengurusan operasi FPP, sebagai fakulti terbesar di UiTM adalah sangat signifikan. Sistem automasi digunakan adalah seperti *U-Future*, *Course File Information System (CFIS)*, *Student Internship Information Training System (STIS)*, *Research Information Industry System (RIIS)* dan *Student Activity Information System (SAIS)* untuk mengumpul dan memproses maklumat dan data program, staf dan pelajar (gambar rajah 6.5a).

Course File Information System (CFIS) adalah sistem yang digunakan oleh FPP untuk membolehkan Unit Kualiti menguruskan proses-proses pengauditan pengajaran secara dalam talian. Sistem ini digunakan untuk melaksanakan dan mempermudah proses penganalisan yang diperlukan untuk mengaudit proses-proses P&P. Sistem ini membolehkan pengautomasian proses dan berfungsi sebagai pangkalan data untuk mempermudah pengurusan yang berkesan (lampiran 6.3: Manual CFIS).

Kursus *Industrial Training* adalah satu komponen kurikulum Ijazah Sarjana Muda yang mustahak. Pelajar tahun akhir perlu mengikuti kursus ini agar mendapat pendedahan pengalaman industri dan praktikal. Oleh itu, *Student Internship Information Training System (STIS)* digunakan pada tahun 2021 untuk mempermudah segala pengurusan proses penempatan dan pelaporan *internship* oleh keseluruhan pelajar FPP. Sistem ini membolehkan pelajar, pensyarah, penyelia *internship* dan penyelaras untuk menguruskan keseluruhan proses ini dari portal maya dengan lancar. Inovasi ini mempermudah proses-proses pengurusan dan penilaian kursus (gambar rajah 6.5a).

Secara keseluruhannya, penggunaan sistem *CFIS*, *STIS* dan *SAIS* adalah inovasi pengurusan yang telah diperluaskan di peringkat PTJ dan digunakan oleh seluruh warga FPP. Tambahan pula, **sistem HRIS, STIS dan SAIS mempunyai kemampuan untuk diperluaskan penggunaannya ke peringkat nasional dan telah memenangi anugerah Operational Excellence di peringkat UiTM** (gambar rajah 6.5b).

Penggunaan sistem automasi bergantung pada dan menggalakkan **accountability, integrity** dan **empowerment** kepada staf dan juga pelajar. Sistem ini digunakan untuk melaksanakan dan mempermudah proses penganalisan yang diperlukan untuk mengaudit proses-proses P&P. Sistem ini membolehkan pengautomasian proses dan berfungsi sebagai pangkalan data untuk mempermudah pengurusan yang berkesan secara inovatif (gambar rajah 6.5a).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_O01_OB05_20221_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Gambar rajah 6.5a.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB05_20222_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Gambar rajah 6.5b.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB05_20223_FPP_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi_Lampiran 6.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) mendukung penuh kepentingan tenaga kerja yang berkualiti dan berprestasi demi membawa universiti ke tahap yang lebih tinggi dan ianya menjadi teras utama dalam mencapai Visi dan Misi universiti. Kejayaan FPP dalam mencapai perancangan strategik yang diunjurkan pada tahun 2021 menunjukkan kemampuan tenaga kerja yang kompeten dan berdaya saing. Kepentingan pencapaian sumber manusia adalah seiring dengan hasrat Program Transformasi UiTM yang menetapkan impak kepada kecemerlangan bakat. Sumber tenaga pensyarah FPP adalah menjadi tunggak kepada kejayaan fakulti bagi meneruskan hasrat universiti dalam memacu pembangunan universiti kearah matlamat strategik *Universiti Terkemuka Dunia 2025* yang selari dengan aspirasi nasional. Dua impak sumber manusia dinilai adalah yang pertama dalam konteks pembangunan pensyarah FPP dalam bidang Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) dan juga impak kedua kepada bidang-bidang lain.

Analisa ini telah melibatkan pencapaian sebenar keseluruhan pada tahun 2021. Pencapaian ini termasuklah faktor seperti penghasilan penerbitan, jumlah bilangan penjanjian (MoU/MoA), jumlah bilangan sangkutan ahli akademik di organisasi terkemuka dan universiti teratas 300. Bagi tujuan hasil pencapaian prestasi pensyarah FPP, kaedah yang telah digunapakai dalam analisa laporan ini adalah penghasilan perbandingan dari tahun ke tahun. Perbandingan melalui tahap sasaran, tren dan juga kepentingan sasaran mengikut Petunjuk Prestasi (PI) dari Unit Perancangan Strategik juga adalah menyumbang kepada kaedah penetapan hasil sasaran laporan ini. Data yang telah diperolehi dalam laporan analisa ini adalah didapati dari Pihak Pengurusan FPP bagi tahun dinilai.

Bagi tujuan dapatan hasil dari sumber manusia, analisa telah dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu terdiri daripada (i) Pembangunan Pensyarah, (ii) Kompetensi Pensyarah dan akhir sekali ialah (iii) Pencapaian Akademik Pensyarah. Hasil dari kaedah perbandingan tahap, tren dan kepentingan PI yang telah dilakukan, didapati pensyarah FPP berjaya mencapai tahap sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak universiti. Seterusnya, bagi tren tahap pencapaian, peningkatan positif secara berterusan dapat dilihat jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Dan akhir sekali, melalui perbandingan pencapaian dengan fakulti-fakulti lain menunjukkan ketiga-tiga kategori yang dipilih telah mencapai tahap atas dan perbandingan dan memenuhi sasaran tercapai 85% hingga 100% pada tahun 2021. Secara kesimpulannya, kejayaan FPP dalam mencapai sasaran yang ditetapkan adalah penting dan ia akan memberi impak kepada universiti secara keseluruhan dengan mewujudkan tenaga kerja akademik yang kompeten dan bersedia memberikan perkhidmatan berkualiti yang boleh berfungsi secara optimum mengikut kemampuan sebenar.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0023_HB02_20221_FPP_Lampiran Hasil 7.1.2 Tahap tumpuan pelanggan .pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0023_HB03_20222_FPP_Lampiran Hasil 7.1.3 Tren tumpuan pelanggan .pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0023_HB04_20223_FPP_Lampiran Hasil 7.1.4 Perbandingan_Tanda_ArasTumpuan Pelanggan .pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0023_HB05_20224_FPP_Lampiran Hasil 7.1.5 Kepentingan tumpuan pelanggan .pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL DARI PRESTASI KEWANGAN

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil dari Prestasi Kewangan diukur dari tiga (3) aspek iaitu keberkesanan kos, pulangan dari perlaburan dan pengurangan kos FBMS. Untuk keberkesanan kos, Bajet Pengurusan Keraihan Pelajar dan Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA) telah dikawal selia secara efisien oleh pejabat Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar. Pengurusan FPP akan terus mempelbagaikan usaha dalam memastikan pulangan pelaburan di kalangan pensyarah dan pelajar dapat dicapai. Penekanan diberikan kepada dua penunjuk: pulangan berbentuk kewangan dan pulangan berbentuk bukan kewangan. Pulangan berbentuk kewangan seperti penjimatan kos dan penjana pendapatan melalui bengkel anjuran FPP (*Reskilling & Upskilling*) yang menggunakan kepakaran pensyarah dalaman, konferens, perundingan, dan memorandum persefahaman samada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Manakala pulangan berbentuk bukan kewangan adalah seperti program perkongsian ilmu, penulisan akhbar atau majalah, penerbitan di jurnal indeks, pendaftaran harta intelek dan pengkomersialan dan memenangi pingat di pertandingan Inovasi. Penggunaan sistem FBMS telah berjaya mencapai matlamat dalam pengurangan dari segi kos dan tenaga manusia melalui pengoperasian system CFIS dan HRIS. Kemampuan kewangan dari tiga (3) aspek ini adalah amat penting dan bertepatan dengan perkara lima (5) daripada sepuluh (10) Lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe12), iaitu meningkatkan usaha penjana pendapatan bagi mengurangkan kebergantungan dana kewangan kerajaan. Kemampuan kewangan dari tiga (3) aspek ini juga bertepatan dengan objektif UiTM iaitu mengawal selia kewangan secara efektif kearah kelestarian organisasi.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0023_HB02_20221_FPP_Lampiran Hasil 7.2.2 Tahap Pembangunan Sumber Manusia .pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0023_HB03_20222_FPP_Lampiran Hasil 7.2.3 Tren Pembangunan Sumber manusia .pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0023_HB04_20223_FPP_Lampiran Hasil 7.2.4 Perbandingan Tanda Aras Pembangunan Sumber manusia .pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0023_HB05_20224_FPP_Lampiran Hasil 7.2.5 Kepentingan Pembangunan Sumber manusia .pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL TUMPUAN PELANGGAN

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM sangat komited untuk memberi tumpuan kepada pelanggan berdasarkan program atau aktiviti yang melibatkan pelajar dan masyarakat. FPP sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Antara inisiatif yang telah dijalankan ialah jalinan kerjasama dengan universiti dan industri dalam dan luar negara (MOU/MOA) untuk menambah penampakan pelajar dan pensyarah, program pertukaran Pelajar (*inbound and outbound*), *Program Massive Open Online Course MOOC*, Program Kolaborasi Pelajar Dengan Universiti/Industri, Program Pelajar Menjalani Latihan Industri di Syarikat Multinasional dan program pembudayaan keusahawanan. Program pertukaran pelajar secara inbound merupakan program di mana FPP menerima masuk pelajar dari universiti lain untuk tempoh tertentu sama ada satu minggu, satu bulan, satu tahun atau satu semester. Manakala program pertukaran pelajar secara outbound pula, pihak FPP menghantar pelajar FPP ke luar negara untuk tempoh tertentu. Hal ini membolehkan mereka mengembangkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi anggota masyarakat global yang produktif dan berjaya. UiTM mengalakkan kursus dalam pembelajaran melalui *Massive Online Open Course (MOOC)* selari dengan Pernyataan Hala Tuju Strategik UiTM untuk menjadi universiti yang mengoptimumkan aksesibiliti, mempelopori ilmu, menjuarai penemuan baru serta menghasilkan teknologi berinovatif.

MOOC merupakan salah satu kaedah yang terbaru dalam senarai kaedah teknologi untuk menyokong pendidikan dalam talian dan jarak jauh. Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) telah bertindak sebagai pemudahcara dan pemangkin terhadap perhubungan dan jaringan industri, masyarakat serta penglibatan alumni universiti. Usaha jaringan melalui projek kolaborasi dan kerjasama mampu membantu memanfaatkan bakat. Penganjuran majlis Anugerah Kecemerlangan Perhubungan Industri, Masyarakat dan Alumni (AKPIM) telah mengengahkan penglibatan fakulti, kampus dan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) dengan industri dalam usaha membantu pembangunan ekonomi dan masyarakat. Program ini dilihat sebagai batu loncatan dan penanda aras antara fakulti, kampus dan PTJ. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2012-2025 dilancarkan bertujuan untuk memantapkan pembangunan keusahawanan dan melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan. Menyedari pentingnya penerapan nilai dan budaya keusahawanan di Universiti Awam (UA), Pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan Keusahawanan Malaysia (*Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development atau MASMED*), UiTM komited menggalas tanggungjawab bagi mencapai matlamat menjadi Universiti berteraskan penyelidikan dan keusahawanan. FPP turut menyumbang kepada pencapaian objektif tersebut dengan menganjurkan pelbagai aktiviti pembudayaan keusahawanan. Selain dari itu, FPP sentiasa memantau bilangan pelajar yang menceburi bidang usahawan dan yang telah berdaftar dengan Pusat Keusahawanan Universiti (MASMED) atau SSM. Melalui aktiviti-aktiviti promosi, akreditasi program dan serta perhubungan baik dan berterusan diantara pihak universiti dan ibubapa, badan-badan professional serta pihak industri, maka bilangan pendaftaran kemasukkan pelajar di FPP meningkat dari tahun ke tahun disebabkan kewujudan kepakaran di FPP yang telah menerima pengiktirafan melalui penyelidikan dan oleh badan profesional. Program sebegini merupakan inisiatif yang dibawah seliaan Unit Hal Ehwal Pelajar.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0023_HB02_20221_FPP_Lampiran Hasil 7.3.2 tahap keberkesanan pretasi kewangan .pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0023_HB03_20222_FPP_Lampiran Hasil 7.3.3 tren keberkesanan prestasi kewangan .pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0023_HB04_20223_FPP_Lampiran Hasil 7.3.4 Tanda aras keberkesanan pengurusan prestasi kewangan .pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0023_HB05_20224_FPP_Lampiran Hasil 7.3.5 Kepentingan keberkesanan pengurusan prestasi kewangan .pdf](#)